

PERKEMBANGAN PEMBANDARAN KUALA LIPIS, PAHANG, 1898-1955

Irmawati Muhamad, Abu Hanifah Haris*

Abstrak

Kuala Lipis merupakan sebuah bandar kecil yang terletak di kawasan tengah negeri Pahang yang begitu kaya dengan hasil bumi seperti emas. Kekayaan ini kemudiannya telah menarik minat British untuk bertapak di Kuala Lipis lantas menjadikannya sebagai salah sebuah daerah terpenting di Pahang. Kepesatan perbandaran Kuala Lipis dapat dilihat semakin jelas apabila bandar tersebut dipilih sebagai ibu negeri Pahang dari tahun 1898 sehingga tahun 1955 bagi menggantikan Pekan. Objektif kajian ini ialah mengkaji perkembangan perbandaran Kuala Lipis, Pahang ketika menjadi ibu negeri Pahang, iaitu dari tahun 1898 hingga tahun 1955. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk pelbagai sumber primer seperti fail dan dokumen, selain sumber sekunder seperti buku dan artikel. Kajian menunjukkan bahawa Kuala Lipis mengalami proses perbandaran yang pesat dalam tempoh tersebut sebagai ibu negeri Pahang khususnya dalam aspek pentadbiran, infrastruktur dan kemudahan, selain turut mengalami perkembangan pesat dalam kegiatan sosioekonomi.

Kata Kunci: Kuala Lipis, Pahang, Lembaga Kebersihan Kuala Lipis, Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Pengenalan

Menurut *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*, perbandaran bererti usaha untuk menjadikan sesuatu kawasan atau daerah dan penduduknya berubah kepada corak perbandaran atau meresap unsur-unsur perbandaran.¹ Manakala menurut Katiman Rostam pula perbandaran didefinisikan sebagai satu proses pembinaan dan pertumbuhan sesebuah kawasan.² Sebagai tambahan, perbandaran menurut Louis Wirth pula merupakan usaha untuk menjadikan sebuah pekan kecil atau kampung kepada sebuah bandar hasil pertambahan fungsi dan kegiatan ekonominya. Menurut beliau lagi, perbandaran yang berlaku akan memberikan pelbagai kesan positif

* Irmawati Muhamad ialah lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Dr. Abu Hanifah Haris ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

1 *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 87.

2 Katiman Rostam, *Penghantar Geografi Bandar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 19.

seperti peningkatan sistem pengangkutan dan perhubungan, peningkatan kemudahan awam, peningkatan taraf hidup penduduk serta wujudnya banyak peluang pekerjaan.³

Proses perkembangan pembandaran di Kuala Lipis pada peringkat awal dapat dilihat apabila berlakunya kemasukan kuasa British. Sebelum kedatangan British pada tahun 1887, Kuala Lipis dikenali sebagai pusat perlombongan emas serta perhutanan.⁴ Bertitik tolak daripada kemasukan residen di Pahang, Kuala Lipis telah dipilih sebagai tempat pusat pentadbiran negeri Pahang. Seterusnya, tidak lama selepas itu Kuala Lipis dipilih sebagai ibu negeri Pahang bagi menggantikan Pekan. Hal ini secara tidak langsung merencanakan lagi proses pembandaran di Kuala Lipis. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada perpindahan pusat pentadbiran tersebut ialah disebabkan rasa ketidakpuasan hati Almarhum Sultan Ahmad terhadap pihak British kerana telah menghadkan bidang kuasa baginda. Selain itu, faktor pelantikan Residen British yang pertama di Pahang iaitu Hugh Clifford pada tahun 1891 telah menimbulkan ketegangan politik di antara Clifford dengan beberapa pemimpin tempatan antaranya seperti Orang Kaya Wangsa Lipis dan Maharaja Perba Jelai.⁵

Di samping itu, faktor kebimbangan pihak British terhadap tanda-tanda pemberontakan yang mula ditunjukkan oleh orang Melayu di Ulu Pahang. Pemberontakan ini dapat dilihat melalui keingkaran Dato' Bahaman, Tok Gajah dan beberapa individu lain terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh British yang berlarutan untuk tempoh masa yang agak panjang.⁶ Meskipun tidak lama selepas itu unsur pemberontakan berjaya ditangani, namun British berpendapat bahawa segala potensi kebangkitan mestilah dihapuskan dan dikawal. Manakala dari sudut geografi pula, Kuala Lipis dilihat berada di kedudukan yang strategik iaitu terletak di pertemuan dua batang sungai yang penting iaitu Sungai Jelai dan Sungai Lipis.⁷ Kedua-dua sungai tersebut memainkan peranan penting sebagai alat perhubungan yang utama dan berfungsi sebagai lokasi yang strategik dalam peperangan terbuka. Tuntasnya, faktor yang saling berkait ini mengukuhkan lagi pemilihan Kuala Lipis sebagai ibu negeri Pahang.

Pentadbiran ibu negeri di Kuala Lipis sepatutnya hanya bersifat sementara sahaja. Oleh yang sedemikian, tidak hairanlah mengapa terdapat beberapa cadangan bagi memindahkan ibu negeri Pahang dari Kuala Lipis ke kawasan lain seperti Jerantut, Temerloh dan Kuantan. Namun, cadangan tersebut tidak dilaksanakan. Kuala Lipis bertahan menjadi pusat ibu negeri Pahang dalam tempoh masa yang agak lama iaitu hampir 57 tahun sehinggalah berpindah ke Kuantan pada 27 Ogos 1955.⁸ Sepanjang tempoh masa 57 tahun Kuala Lipis menjadi ibu negeri Pahang, pelbagai bentuk perkembangan pembandaran dapat dilihat khususnya daripada aspek pentadbiran, infrastruktur dan sosioekonomi.

3 Louis Wirth, "Urbanism as a Way of Life", *The American Journal of Sociology*, Jil. 44, Bil. 1, Julai 1938, hlm. 1-2.

4 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, Kuantan: PLANMalaysia@Pahang (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang), 2017, hlm. 18.

5 Ibid., hlm. 19.

6 Ibid.

7 Ibid., hlm. 15.

8 Ibid., hlm. 20.

Latar Belakang Kuala Lipis Sebelum Tahun 1898

Kuala Lipis terletak di barat laut negeri Pahang dan merupakan daerah ketiga terbesar di Pahang selepas Jerantut dan Rompin.⁹ Kuala Lipis merupakan sebuah daerah yang kaya dengan tinggalan sejarah dan sumber bumi. Kuala Lipis dikatakan bermula daripada sebuah perkampungan kecil di pinggir sungai yang lokasinya terletak di pertemuan muara Sungai Lipis dan Sungai Jelai.¹⁰ Kuala Lipis memainkan peranannya yang tersendiri sebagai bekas ibu negeri dan pusat pentadbiran Pahang. Kuala Lipis turut dikenali sebagai “Bandar Warisan Pahang”. Bandar Kuala Lipis berkeluasan sebanyak 166 hektar iaitu meliputi bandar lama, Bukit Bius dan Bukit Residen. Kedudukannya terletak 220 km dari Kuantan dan hanya 164 km dari Kuala Lumpur.¹¹

Di samping itu, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Kuala Lipis telah mula didiami oleh manusia sejak 2,500 hingga 2,400 tahun yang lampau. Bahkan terdapat juga kajian arkeologi yang telah menjumpai banyak artifak. Contohnya ialah seperti ‘Pisau Tembeling’ yang merupakan alat yang digunakan oleh manusia pada zaman Neolitik. Penempatan manusia di sini berterusan hingga beribu-ribu tahun selepas Zaman Neolitik.¹² Oleh itu, tidak hairanlah mengapa Kuala Lipis menjadi antara tempat yang mula-mula didiami oleh orang di Pahang. Terdapat pelbagai kisah yang menceritakan bagaimana kawasan ini dikenali sebagai Kuala Lipis. Umumnya, perkataan “Kuala” ini diperolehi daripada pertembungan antara dua sungai iaitu Sungai Lipis dan Sungai Jelai yang menjadikan kawasan ini kelihatan seperti di kuala. Manakala bagi perkataan “Lipis” pula diambil daripada nama pokok herba Serau Lipis¹³ yang terdiri daripada spesies *Pavetta Indica* yang banyak terdapat di situ.¹⁴ Hasil gabungan dua perkataan ini maka terbentuknya nama Kuala Lipis.

Pekan Lipis dibuka oleh Dato’ Maharaja Setia Raja Haji Wan Daud bin Wan Pahang pada tahun 1863.¹⁵ Dahulunya sebelum Kuala Lipis menjadi sebuah bandar, Kuala Lipis, Raub, Jerantut, Semantan dan Cameron Highlands terangkum di dalam sebuah kawasan yang dikenali sebagai Ulu Pahang. Kawasan ini berada di bawah pemerintahan Seri Maharaja Perba yang berpusat di Jelai. Sejak Pahang berada di bawah sistem Residen British pada tahun 1888 sehingga tahun 1957, pentadbiran negeri telah dibahagikan kepada daerah-daerah tertentu. Daerah Lipis mula dibangunkan mengikut perspektif kolonial di bawah pimpinan 18 orang Pegawai Daerah. Namun begitu, pada tahun-tahun terawal era pemerintahan British di Pahang, pihak kerajaan kolonial British belum mempunyai pegawai tadbir yang mencukupi. Daerah Ulu Pahang pada ketika itu berada di bawah kuasa seorang Pegawai Tadbir Kolonial. Kemudian, sistem pentadbiran menjadi lebih kompleks apabila Kuala Lipis menjadi pusat pentadbiran dan seterusnya ibu negeri Pahang.

9 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 11.

10 Mohd. Roselan Ab. Malek, *Salasilah Nama Tempat: Negeri Pahang Darul Makmur*, Selangor: Penerbit Prisma Sdn Bhd, 1993, hlm. 101.

11 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 11.

12 Ibid, hlm. 14.

13 Merupakan tumbuhan memanjat yang bunganya bewarna putih.

14 Mohd. Roselan Ab. Malek, *Salasilah Nama Tempat: Negeri Pahang Darul Makmur*, hlm. 101.

15 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 11.

Pentadbiran Bandar Kuala Lipis

Apabila pihak British menguasai negeri Pahang, telah berlaku beberapa bentuk perubahan di dalam aspek pentadbiran. Antaranya ialah perubahan lokasi pentadbiran ibu negeri Pahang di mana Kuala Lipis secara rasminya telah dipilih untuk menggantikan Pekan sebagai ibu negeri Pahang pada tahun 1898.¹⁶ Status Kuala Lipis sebagai ibu negeri Pahang menyebabkan kerajaan mula memberi perhatian yang lebih khusus terhadap pembangunan bandar Kuala Lipis berbanding bandar-bandar lain di Pahang. Pusat-pusat pentadbiran seperti Bangunan Pentadbiran (Bangunan Pejabat Daerah), Bangunan Residen dan Mahkamah mulai dibina.

Perkembangan kerajaan tempatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) adalah lambat jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Selat (NNS). Kerajaan tempatan yang pertama dibentuk di NNMB terbentuk apabila Enakmen Lembaga Kebersihan diluluskan pada tahun 1907. Melalui enakmen tersebut, Lembaga kebersihan telah ditubuhkan di Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor. Enakmen 1907 ini terus digunakan sehingga Perang Dunia Kedua.¹⁷ Di Kuala Lipis, Lembaga Kebersihan Kuala Lipis atau juga lebih dikenali sebagai *Sanitary Board* telah ditubuhkan kesan daripada campur tangan pihak British di dalam aspek pentadbiran di negeri Pahang.

Campur tangan ini kemudiannya telah membawa kepada perubahan corak pentadbiran daripada sistem tempatan kepada pentadbiran mengikut sistem acuan Barat yang membawa kepada pelaksanaan sistem pentadbiran di peringkat tempatan di Pahang. Buktinya, di bawah Warta Kerajaan Pahang 2176, Penguasa Tempatan bertanggungjawab terhadap beberapa aspek seperti kawalan kebersihan, kesihatan dan pembangunan di dalam kawasan pentadbirannya. Misalnya pada tahun 1920, Lembaga Kebersihan Kuala Lipis telah menubuhkan bangunan awam yang dilengkapi dengan “...*new slaughter-house, cooly lines and central bullock-cart halting place*....”¹⁸ Selain itu, tujuan Lembaga Kebersihan ini ditubuhkan ialah untuk melancarkan lagi aspek pentadbiran bandar Kuala Lipis. Hal ini seiring dengan perubahan bandar Kuala Lipis yang asalnya hanya sebuah bandar kecil dan kini berubah fungsi menjadi bandar yang membangun dan terpenting di Pahang.

Bagi memastikan kelancaran pentadbiran, Pegawai Daerah Kuala Lipis telah dilantik untuk mengetuai pentadbiran tersebut.¹⁹ Misalnya, pada tahun 1911, V. Hill yang memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah Kuala Lipis telah ditukarkan ke Teluk Anson, Perak dan diganti dengan F. A. S. McClelland yang memegang jawatan Pegawai Daerah Kuala Lipis sehingga September seterusnya digantikan dengan T. C. Fleming.²⁰ Seterusnya, pada tahun 1915 pula, A. E.C. Franklin pula memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah Kuala Lipis sehingga kematian beliau pada 11 Mei 1915. Jawatan tersebut kemudian digantikan oleh A.J. Sturrock.²¹ Lembaga Kebersihan Kuala Lipis telah mengadakan empat perjumpaan pada tahun

16 Ibid., hlm. 22.

17 Phang Siew Nooi, *Sistem Kerajaan Tempatan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 14.

18 *Supplement to the F.M.S Government Gazette, 1921*, Kuala Lumpur: Authority, 1921, hlm. 11.

19 Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, *Tradisi Persejeraan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*, Petaling Jaya: Tempo Publishing (M) Sdn Bhd, 1992, hlm. 311.

20 *Pahang Administration Report for 1911*, H.C.O No. Pahang 932/1912, hlm.4.

21 *Pahang Administration Report For 1915*, H.C.O No. Pahang 779/1916, hlm. 2.

1915. Lembaga Kebersihan Kuala Lipis bertahan sehingga Perang Dunia Kedua dan diganti oleh Lembaga Bandaran Kuala Lipis sehingga tahun 1959.²²

Pada Disember 1945, pihak British telah mengeluarkan undang-undang baru iaitu *Proclamation No. 31, A Proclamation to Establish the Title of Town Board*.²³ bagi menggantikan Enakmen 1907. Sebagai tambahan, wujud nama baru bagi Enakmen 1907 iaitu Enakmen Lembaga-lembaga Bandaran (FMS. Cap 137). Melalui enakmen tersebut semua penguasa tempatan di Tanah Melayu yang masih menggunakan nama Lembaga Kebersihan perlu menukarkan nama baru kepada Lembaga Bandaran. Oleh itu, Lembaga Kebersihan Kuala Lipis mula dinaiktaraf menjadi Lembaga Bandaran Kuala Lipis dari tahun 1946 sehingga tahun 1959.²⁴ Walaupun berlaku pertukaran nama, tugas penguasa tempatan masih sama seperti mana yang dinyatakan dalam Enakmen 1907. Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Lipis terletak di Bukit Bius di bandar Kuala Lipis.

Bangunan utama pentadbiran di Kuala Lipis iaitu Kompleks Pejabat Kerajaan dibina pada dua tahap. Pada tahap awal pembinaannya, bangunan pentadbiran telah siap dibina pada tahun 1919. Bangunan dua tingkat ini seterusnya menjadi pusat pentadbiran utama negeri Pahang pada ketika itu. Di tingkat atas pejabat ditempatkan Pejabat Residen British serta pejabat bagi para pegawai tadbir negeri Pahang, manakala di tingkat bawah pula ialah pejabat yang mengutip hasil negeri dan perbendaharaan kerajaan.²⁵ Seterusnya, pada tahap kedua pembinaan bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan ini merupakan tambahan kepada bangunan asal yang siap sepenuhnya pada tahun 1926. Bangunan ini menempatkan Mahkamah Daerah Kuala Lipis dan Bank Mercantile.²⁶

Pada tahun 1952, pentadbiran negeri Pahang telah mewujudkan jawatan Menteri Besar yang berperanan sebagai Ketua Pentadbir Negeri. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah ditubuhkan di dalam bangunan pentadbiran di Kuala Lipis. Antara tokoh yang pernah berkhidmat pada ketika itu ialah Tun Abdul Razak bin Dato' Hussien dan Orang Kaya Shahbandar negeri Pahang yang pernah menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1952.²⁷ Tuntasnya, kesemua pejabat kerajaan telah dikumpulkan dan ditempatkan di dalam sebuah bangunan yang dinamakan Kompleks Pejabat Kerajaan. Struktur pentadbiran Lembaga Bandaran Kuala Lipis terbahagi kepada dua komponen iaitu Lembaga dan Jabatan.

Komponen Lembaga Bandaran Kuala Lipis

Lembaga merupakan komponen yang bertanggungjawab dalam memberi arahan kepada jabatan-jabatan yang berada di bawah bidang kuasa Lembaga Bandaran. Terdapat dua jenis keputusan yang diputuskan oleh ahli-ahli lembaga. Pertama ialah keputusan berautonomi yang merupakan keputusan yang boleh dilaksanakan tanpa perlu merujuk terlebih dahulu

22 A.R. Azhari, *Memahami Kerajaan Tempatan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991, hlm. 3.

23 Phang Siew Nooi, *Sistem Kerajaan Tempatan Malaysia*, hlm. 15.

24 Ibid.

25 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 22.

26 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1951, hlm. 8.

27 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 22.

kepada Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Keputusan ini merupakan tugas yang telah ditetapkan di dalam undang-undang Lembaga Bandaran. Contoh keputusan tersebut ialah seperti kelulusan pelan-pelan pembinaan, kontrak, pajakan dan tender.²⁸ Keputusan kedua ialah keputusan yang tidak berautonomi iaitu setiap keputusan yang dilakukan oleh lembaga perlu merujuk terlebih dahulu kepada Majlis Mesyuarat Negeri. Antara contoh perkara yang melibatkan keputusan tidak berautonomi ialah perkara-perkara yang berkait dengan perbelanjaan tahunan, perbelanjaan tambahan, pelantikan jawatan baharu, kenaikan gaji, elaun, pangkat kakitangan dan keperluan di dalam urusan pindaan undang-undang kecil yang sedia ada mahupun yang baru.²⁹

Lembaga Bandaran Kuala Lipis terdiri daripada beberapa pegawai kerajaan dan bukan pegawai yang dilantik oleh raja negeri tersebut. Salah seorang daripada mereka dilantik menjadi Yang Di-pertua bagi Lembaga Bandaran atau dalam erti kata lain sebagai pegawai daerah.³⁰ Antara tahun 1946 hingga tahun 1955, Lembaga Bandaran Kuala Lipis dipengerusikan oleh beberapa orang individu. Antaranya, H. C. Rendle (1936-1949), Encik Ismail Bin Baba (1949-1952), Encik Mohd Taib Bin Andak (1952-1954) dan Encik Abd. Rahman Bin Mohd Salleh (1954-1957).³¹ Di samping memegang jawatan sebagai pengerusi bagi Lembaga Bandaran Kuala Lipis, mereka turut menjawat jawatan sebagai Pegawai Daerah atau *District Officer* (D.O).

Lembaga Bandaran Kuala Lipis mempunyai kuasa dalam meluluskan undang-undang kecilnya yang tersendiri.³² Undang-undang kecil ini biasanya akan diguna pakai di setiap kawasan pentadbirannya. Antara undang-undang tersebut ialah peraturan dan kawalan terhadap pembinaan rumah dan bangunan, kawalan terhadap kandang lembu, penternakan, pasar dan rumah penyembelihan, kawalan terhadap jalan-jalan, jambatan, parit, longkang dan pemasangan lampu jalan serta kuasa mengeluarkan lesen bagi gerai dan penjaja makan. Segala undang-undang tersebut perlu dipatuhi oleh penduduk Kuala Lipis. Sesiapa yang didapati melanggar undang-undang tersebut, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan denda.³³ Tujuan langkah tersebut dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada timbulnya masalah seperti kesesakan dan pencemaran.

Seterusnya, Lembaga Bandaran Kuala Lipis juga mempunyai peraturan dan kawalan terhadap aspek pembinaan bangunan dalam kawasan Lembaga Bandaran.³⁴ Bagi sesiapa yang ingin membina apa-apa bangunan sama ada rumah, rumah kedai mahupun bangunan untuk pelbagai kegunaan perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Lembaga Bandaran Kuala Lipis. Manakala dalam aspek pelan pembinaan, perlu dijelaskan secara terperinci lokasi binaan, bahan binaan yang bakal digunakan untuk binaan, jumlah dan jenis tiang yang bakal digunakan serta pelbagai jenis peraturan lagi. Tujuan peraturan ini adalah untuk memastikan bangunan-bangunan yang bakal dibina menggunakan kayu yang kukuh,

28 *Report of the Royale Commision of Enquiry to Investigate into the Workings of Local Authorities in West Malaysia*, Kuala Lumpur, Government Printer, 1970, hlm. 196.

29 *Ibid.*, hlm. 197.

30 Ahmad Atory Hussain, *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 106.

31 *Annual Report Lipis Town Board, 1959*, hlm. 8.

32 *Transfer of the Survey Department, Pahang, From Kuala Lipis to Kuantan.*, *Pahang No.1764/55*, hlm. 10.

33 *Ibid.*, hlm. 11.

34 *Ibid.*, hlm. 9.

ketebalan simen yang sesuai dan dibina mengikut pelan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Bandaran Kuala Lipis. Pemilik yang gagal mematuhi syarat tersebut bakal dikenakan tindakan undang-undang.³⁵ Lembaga Bandaran Kuala Lipis juga mempunyai kuasa untuk meruntuhkan bangunan yang telah lama dan usang bagi memelihara keselamatan penghuninya.³⁶

Selain itu, Lembaga Bandaran Kuala Lipis juga mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada premis perniagaan dan juga penjaja gerai makanan di tepi-tepi jalan. Malah, Lembaga Bandaran juga berhak mengeluarkan lesen perniagaan kepada pengusaha rumah tumpangan, pengusaha pengangkutan seperti bas awam, pengusaha panggung wayang dan pengusaha pusat hiburan.³⁷ Contohnya, Lembaga Bandaran Kuala Lipis telah mengeluarkan lesen pajak gadai kepada Yong Mien Lim dengan bayaran sebanyak \$100.³⁸ Selain itu, terdapat juga penduduk Kuala Lipis yang turut mengusahakan perniagaan automatif seperti membuka bengkel membaiki kenderaan dan menukar alat-alat ganti kenderaan seperti tayar. Terdapat juga beberapa pengusaha dan pelabur dari luar yang turut membuka kilang di Kuala Lipis seperti kilang ais, kilang papan atau lebih dikenali sebagai *sawmill* dan lombong bijih timah serta emas.

Komponen Jabatan di Lembaga Bandaran Kuala Lipis

Terdapat beberapa jabatan telah dibentuk bertujuan bagi melicinkan urusan pentadbiran Lembaga Bandaran Kuala Lipis di setiap kawasan pentadbirannya. Antara jabatan tersebut ialah Jabatan Trafik, Jabatan Tender, Jabatan Gerai dan Penjaja, Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Kewangan, Jabatan Penamaan Jalan, Jabatan Kawasan Lapang, Taman dan Penanaman Pokok serta Jabatan Penilai.³⁹ Setiap jabatan ini mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Sebagai analoginya, Jabatan Trafik bertanggungjawab bagi mengawal kelancaran lalu lintas di jalan-jalan utama bagi mengelakkan daripada berlakunya kesesakan lalu lintas dan mengeluarkan saman kepada individu yang didapati telah melanggar peraturan jalan raya.⁴⁰ Seterusnya, Jabatan Perancangan Bandar pula bertanggungjawab untuk merancang pembangunan dalam bandar Kuala Lipis. Antara bidang kuasa jabatan ini ialah meluluskan pelan-pelan pembangunan oleh individu perseorangan.⁴¹

Jabatan seterusnya ialah Jabatan Kewangan. Jabatan ini bertanggungjawab merancang perbelanjaan dan berusaha mendapatkan sumber-sumber pendapatan bagi Lembaga Bandaran Kuala Lipis.⁴² Sumber kewangan Lembaga Bandaran Kuala Lipis kebiasaannya diperolehi melalui hasil kutipan cukai, denda, lesen dan hasil sewaan. Lembaga Bandaran juga menyewakan dewan, kompleks perniagaan, bangunan, gerai, perkakas dan kelengkapan seperti khemah dan padang miliknya kepada orang awam yang berminat. Jabatan Penilai pula memainkan peranan sebagai penilai kepada kesemua aspek berkaitan keberkesanan rancangan

35 *Annual Report State of Pahang, 1947.*

36 *Annual Report Lipis Town Board, 1946*, hlm. 8.

37 *Ibid.*

38 *Pawnbroker's License, Lipis District for Period 1.6.1947 to 31.12.1947*, Pahang No. 484/1947.

39 *Annual Report Lipis Town Board, 1946*, hlm. Appendix A.

40 *Ibid.*, hlm. 3.

41 *Ibid.*, hlm. 4.

42 *Ibid.*

pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan tempatan terhadap penduduk tempatan.⁴³ Pada tahun 1955, Jabatan Penilaian Pahang⁴⁴ telah dipindahkan dari Kuala Lipis ke Kuantan. Pemindahan ini melibatkan pemindahan seramai 37 staf di Jabatan Penilaian.⁴⁵ Ringkasnya, setiap jabatan di Lembaga Bandaran Kuala Lipis mempunyai tugas mereka yang tersendiri. Pengasingan ini bertujuan bagi melancarkan lagi aspek pentadbiran dan pengurusan lembaga pada ketika itu.

Infrastruktur Bandar Kuala Lipis

Perkembangan infrastruktur memainkan peranan penting kerana melalui perkembangan infrastruktur yang pesat maka proses pembandaran sesebuah bandar dapat dibentuk dengan lancar dan jayanya. Di Kuala Lipis, perkembangan infrastruktur semakin jelas apabila Kuala Lipis dipilih sebagai ibu negeri Pahang pada tahun 1898 sehingga tahun 1955. Pada peringkat awal, *Public Work Department* (PWD) berperanan untuk menguruskan perkembangan infrastruktur awam di Kuala Lipis. Pada tahun 1926, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah ditubuhkan di negeri Pahang. Pejabat pertamanya terletak di Kuala Lipis dan pengarah pertamanya ialah W. J. Smith.⁴⁶ Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKR ialah menyediakan infrastruktur awam seperti bangunan, jalan raya, jambatan, air, elektrik serta khidmat nasihat teknikal kepada agensi kerajaan atau swasta dalam melaksanakan pembangunan di dalam negeri.

Kemudahan Jalan Utama dan Jenis Pengangkutan

Semasa Kuala Lipis menjadi ibu negeri Pahang, dapat dilihat beberapa bentuk kemudahan jalan utama dan pengangkutan yang telah dibina dan diguna pakai. Antara kemudahan jalan utama yang digunakan ialah jalan darat dan jalan air. Sistem perhubungan jalan darat dapat dipecahkan kepada beberapa jenis jalan iaitu jalan raya bertar, lorong-lorong, denai yang tidak berturap dan jalan keretapi. Sistem perhubungan jalan raya di Kuala Lipis mulai berkembang dengan bermulanya pembinaan beberapa buah jalan raya di dalam bandar yang menghubungkan kawasan di sekitar bandar Kuala Lipis iaitu seperti Jalan Utama, Jalan Jelai, *Leonard Road* dan *Circular Road*.⁴⁷

Seterusnya terdapat juga pembinaan jalan raya bagi menghubungkan bandar Kuala Lipis dengan bandar serta negeri lain di Tanah Melayu. Contohnya, jalan raya dari Kuala Lipis ke Kuantan melalui Jerantut telah dibina dan disiapkan pada bulan November 1918.⁴⁸

43 Ibid.

44 Di dalam laporan tersebut disertakan nama, jawatan, bahagian, gaji, status perkahwinan dan bilangan anak mengikut sekolah yang dihadiri.

45 *Transfer of the Survey Department, Pahang, From Kuala Lipis to Kuantan.*, Pahang No.1764/55, hlm. 33.

46 Pentadbir, *Sejarah*, www.jkr.pahang.gov.my (tarikh diakses 14 Mac 2019).

47 *Lipis Town Board Meetings*, 1948, MED. Phg. 19/48.

48 Alias Abdullah dan Fauziah binti Zakaria, "Sejarah Pembukaan Kuantan (1850-1970)" dalam Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar dan Fauziah binti Zakaria (ed.), *Monograf Pahang Dalam Sejarah*, Kuantan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 1989, hlm. 10.

Di samping itu, jalan raya di Kuala Lipis telah mengalami penambahbaikan pada tahun 1939. Buktinya, jalan raya utama telah dibina dari Kuala Lipis melalui Benta sepanjang 16 ½ batu, Raub sepanjang 38 ½ batu, Bentong pula sepanjang 65 ½ batu ke sempadan Selangor di Genting Sempah sepanjang 92 batu.⁴⁹ Seterusnya dari Kuala Lipis melalui Benta dan Raub ke sempadan Selangor di Gap sepanjang 59 ½ batu, dan dari situ ke Bukit Fraser sepanjang 64 batu. Jalan yang lain ialah dari Kuala Lipis melalui Benta ke Kuantan iaitu sepanjang 162 batu.⁵⁰ Sebagai tambahan, pada 24 Oktober 1952 satu mesyuarat telah diadakan di Rumah Kediaman Menteri Besar yang dihadiri oleh Menteri Besar, Penasihat British, Setiausaha Negeri, Jurutera Negeri dan Pegawai Daerah Lipis.⁵¹ Dalam mesyuarat tersebut, telah dipersetujui mengenai rancangan untuk membina jalan bagi menghubungkan Pejabat Jeneral dengan Ibu Pejabat Polis tanpa perlu melalui jalan keretapi.⁵² Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa Kuala Lipis pada ketika itu telah mengalami proses pembandaran yang pesat.

Selain jalan raya, terdapat juga jalan keretapi yang dibina di Kuala Lipis. Sebelum penubuhan Syarikat Keretapi Tanah Melayu (KTM), badan yang menyediakan perkhidmatan keretapi di Semenanjung Tanah Melayu ialah *Federated Malay States Railways* (FMSR). Mulai tahun 1901, kesan daripada gabungan keretapi kerajaan negeri maka terbentuklah FMSR. Dari tahun 1901 sehingga tahun 1942, FMRS telah membina landasan keretapi di Pantai Barat dan Pantai Timur. Pada tahun 1910 misalnya:

*...the railway was opened as far as Triang in the Temerloh district and thereafter work proceeded rapidly until the outbreak of the World War I in 1914. At this stage work was suspended and the contract gangs engaged on the section from Tembeling to Kuala Lipis were paid off. In 1917 work was resumed but the pace of construction was slower and by 1921 the line was opened only as far as Padang Tunku, six miles beyond Kuala Lipis.*⁵³

Pada tahun 1926, stesen keretapi telah ditubuhkan di Kuala Lipis. Manakala, pada tahun 1932 penggunaan jalan keretapi semakin meluas. Buktinya, jumlah panjang jalan keretapi dari Kemayan di selatan ke Merapoh⁵⁴ yang berada di utara adalah sepanjang *141 miles 68 chains*.⁵⁵ Pada tahun 1939 pula, keretapi di Pahang telah dihubungkan bermula dari Gemas, Negeri Sembilan melalui Pahang di Kemayan, Triang, Mentakab, Kuala Krau, Jerantut, Kuala Lipis dan Merapoh seterusnya menuju ke Kelantan. Jumlah jarak yang dilalui antara negeri ini ialah *141 miles 68 chains* yang terdiri daripada 20 stesen dan 14 hentian dan terdapat pemeriksaan di Stesen Merapoh.⁵⁶ Oleh itu, jelas di sini bahawa kereta api turut menjadi pengangkutan utama dan jalan yang penting untuk menghubungkan penduduk Kuala Lipis dengan daerah dan negeri lain.

49 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1940, hlm. 42.

50 Ibid.

51 *Expansion of K. Lipis Town*, Pahang No. 1054/1947.

52 Ibid.

53 R. G. Cant, *An Historical Geography Of Pahang*, Singapore: Times Printers for the MBRAS, 1972, hlm. 85.

54 Merupakan salah satu pekan kecil di Kuala Lipis yang berhampiran Gua Musang.

55 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1933, hlm. 37.

56 *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1931*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1932, hlm. 44.

Seterusnya, terdapat juga penggunaan jalan air yang diguna pakai untuk berhubung dengan kawasan yang berhampiran. Perhubungan melalui air adalah menggunakan perahu seperti perahu jalur⁵⁷ dan perahu penambang. Perahu merupakan kenderaan air yang kerap digunakan oleh penduduk yang tinggal di berhampiran sungai untuk berhubung atau bergerak ke kampung yang lain. Perahu juga digunakan untuk membawa hasil tanaman dari kampung ke bandar. Di Kuala Lipis, perhubungan air merupakan antara perhubungan yang penting. Hal ini kesan daripada kekurangan jumlah jalan raya yang menghubungkan sesuatu kawasan dengan kawasan lain. Contohnya seperti di kawasan yang berhampiran sungai iaitu Sungai Jelai dan sebilangan besar anak Sungai Lipis. Perhubungan air adalah medium pengangkutan yang sangat penting bagi orang Melayu dan menjadi medan bagi mengangkut kayu dan produk hutan terutamanya di sekitar Kuala Lipis.⁵⁸

Kepesatan pembinaan jalan raya juga telah membawa kepada pengenalan pelbagai jenis kemudahan pengangkutan. Antara kemudahan pengangkutan yang terkenal dan sering diguna pakai ialah keretapi dan perkhidmatan bas. Di Kuala Lipis, bas awam mula diperkenalkan untuk membawa penumpang yang berulang alik dari Kuala Lipis ke Selangor⁵⁹ dan dari Kuala Lipis ke Raub pada tahun 1911.⁶⁰ Sebagai tambahan, sebuah syarikat perkhidmatan bas iaitu Pahang Lin Siong Motor Co BHD telah ditubuhkan. Syarikat ini mula berdaftar secara rasmi pada 18 September 1937.⁶¹ Syarikat ini menawarkan perkhidmatan membawa penumpang di sekitar negeri Pahang. Seiring dengan pembinaan jalan raya yang semakin berkembang, kadar kenderaan di jalan raya juga mulai bertambah. Pelbagai jenis kenderaan mula digunakan seperti bas, motorsikal dan kereta.

Seterusnya, jambatan juga telah dibina bagi memudahkan perhubungan di Kuala Lipis. Jambatan memainkan peranan penting kerana melalui pembinaan jambatan maka perhubungan semakin cepat dan mudah. Pada peringkat awal, jambatan yang dibina dibuat menggunakan kayu dan kemudian digantikan dengan jambatan konkrit. Sebagai tambahan, terdapat rekod yang mencatatkan berkaitan kos bagi membaiki jambatan di Kuala Lipis pada tahun 1911 yang mencecah \$353, 224.04.⁶² Seterusnya, terdapat cadangan pembinaan jambatan baru di Benta⁶³ yang melibatkan kos sejumlah \$20,000.⁶⁴ Tegasnya, tanpa adanya kemudahan jalan-jalan ini maka proses pembandaran akan terganggu dan perkembangan pembandaran akan terbatas.

Kemudahan Perhubungan Komunikasi

Kuala Lipis turut berkembang daripada aspek perhubungan komunikasi. Secara ringkasnya, permulaan sistem telekomunikasi di Malaysia berkait rapat dengan sejarah pentadbiran British.

57 Perahu jalur diperbuat daripada sebatang balak jenis keras atau lempung yang mudah didapati di hutan. Perahu ini mempunyai keistimewaan tersendiri baik dari segi kelajuan, ketahanan, kemudahan mengawal, kesenian pertukangan dan kos penjagaan.

58 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, hlm. 38

59 Wendy Khadijah Moore, *Malaysia: A Pictorial History 1400-2004*, Kuala Lumpur: Archipelago Press, 2004, hlm. 34.

60 *Pahang Administration Report for 1911*, hlm. 16.

61 *About Our Company*, www.pahanglinsiong.my (tarikh diakses 18 April 2019)

62 Ibid.

63 Sebuah pekan kecil yang terletak dalam Kuala Lipis.

Apabila termenterainya Perjanjian Burney pada tahun 1909, negeri-negeri Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British. Pada ketika itu, talian-talian komunikasi dibuat melalui wayar-wayar yang dipasang pada tiang-tiang. Sistem perhubungan ini dikenali sebagai *magic wiyer*.⁶⁵ Seiring dengan peredaran masa, sistem telekomunikasi semakin bertambah baik. Penggunaan sistem gelombang mikro yang pesat menjadikan asas perhubungan telekomunikasi lebih meluas. Di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu, kesan daripada perkembangan aktiviti perladangan dan penanaman getah telah mendorong kepada kewujudan rangkaian dan perkhidmatan telegraf dan pos.⁶⁶ Di Kuala Lipis misalnya, Pejabat Pos telah ditubuhkan pada tahun 1910. Pada tahun 1932, kemudahan pengeposan telah disediakan:

*...in all towns and large villages in the state. There are 11 regular post offices and 19 other places at which postal business is transacted by station masters and others acting as postal agents. The number of public posting boxes, exclusive at those at post offices and postal agencies, was 28 on the 31st December, 1932. Fourteen licences for the sale of stamps were issued during the year...*⁶⁷

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan penghantaran surat yang dijalankan di Kuala Lipis. Misalnya pada tahun 1900, terdapat perkhidmatan penghantaran surat dari Kuala Lipis ke Kuala Kubu.⁶⁸ Sebagai tambahan, pada tahun 1932, di Pahang Barat telah disediakan perkhidmatan penghantaran *mail services* bermotor yang dijalankan antara Kuala Lumpur dan Kuala Lipis.⁶⁹ Pengkhidmatan telegraf dan telefon juga sudah wujud di Kuala Lipis. Setiap pejabat pos adalah pejabat telegraf. Pada 1 Oktober 1929, sebuah pejabat pos telah dibuka di Bukit Bentong, Kuala Lipis.⁷⁰ Selain itu, di Kuala Lipis juga terdapat pemasangan *wireless*. Pemasangan ini telah mula dipasang pada tahun 1927 sehingga tahun 1928 untuk memastikan komunikasi dalaman dan luaran dapat dijalankan meskipun semasa banjir melanda.⁷¹ Hal ini demikian kerana pada tahun sebelumnya, perhubungan kebiasaannya terputus apabila banjir melanda. Contohnya, pada tahun 1923 satu banjir besar telah berlaku di Pahang yang melibatkan Kuala Lipis, Temerloh, Kuantan dan Pekan. Banjir yang berterusan sehingga tahun 1924 menyebabkan sistem perkhidmatan telegraf dan telefon terputus dan kebanyakan stesen tidak dapat berfungsi sepenuhnya.⁷²

Selain itu, seiring dengan perkembangan pesat bandar Kuala Lipis maka banyak perubahan baru telah dikemukakan. Contohnya, Jabatan Telekomunikasi telah dicadangkan untuk

64 *Lipis Bridge at Benta*, P.W.D 4216/96.

65 Lihat Hasmah Zanuddin, "Getah Perca, Telekomunikasi dan Kekangan Kuasa British", *Sejarah*, No. 12, 2004, hlm. 49.

66 Ibid.

67 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, hlm. 36.

68 *Mail Service Between Kuala Kubu and Kuala Lipis. Commencement of New Service in 1900*, Selangor No. 1127/99.

69 Ibid.

70 *Pahang Administration Report for the year 1929*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1930, hlm. 6.

71 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, hlm. 37.

72 Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, *Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*, hlm. 342.

dipindahkan ke lokasi baru iaitu di Sungai Kerpan, Kuala Lipis.⁷³ Melalui cadangan tersebut, sebuah stesen radio dan kuarters bagi menempatkan pembantu teknikal yang bertugas telah dicadangkan untuk dibina. Kos bagi rancangan tersebut mencecah \$12,000. Tujuan utama cadangan tersebut juga bertujuan bagi menggantikan “...*the former Japanese radio station houses in the Permannet Way Inspector's bungalow at Batu Kurap.*”⁷⁴ Sebagai tambahan, rancangan pemindahan ini juga jelas membuktikan bahawa sudah terdapat jabatan khusus bagi mengawal dan menguruskan hal berkaitan komunikasi secara rasmi. Antara pekerja yang berkhidmat dalam jabatan ini pada tahun 1947 ialah Haji Mohamed bin Mohd. Shah (Pembantu Teknikal Gred I), E. Suppiah (Kerani Kelas I), V. Nallian (Kerani Kelas II) S. Naravam, Othman bin Jamaluddin dan V. J. Jeyaratnam (Kerani Kelas III), Sani bin Sulaiman dan Mohd. Jamaluddin (Operator Telefon) dan beberapa individu lain lagi.⁷⁵ Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa Kuala Lipis telah mengalami pembangunan daripada aspek kemudahan perhubungan.

Kemudahan Bekalan Elektrik

Di Kuala Lipis, terdapat beberapa bentuk kemudahan asas yang telah disediakan. Antara contoh kemudahan asas tersebut ialah seperti kemudahan bekalan elektrik, kemudahan bekalan air dan kemudahan perumahan bagi kakitangan kerajaan. Bekalan elektrik merupakan antara bentuk kemudahan asas yang penting. Ringkasnya, elektrik merupakan tenaga baru yang diperkenalkan di NNMB menjelang tahun 1920-an.⁷⁶ Penguasaan British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah membawa kepada penempatan seorang residen.⁷⁷ Pihak British seterusnya melaksanakan pembangunan khususnya bekalan elektrik selaras dengan perkembangan sektor perlombongan dan pembukaan kawasan penempatan. Pada abad ke-19, teknologi kejuruteraan elektrik mula dibawa masuk dan dibangunkan di NNMB. Di Pahang, skim pembekalan elektrik telah dirancang untuk beberapa kawasan seperti Raub, Bentong dan Kuala Lipis pada 1929.⁷⁸

Di Kuala Lipis, sebuah stesen janaelektrik berkapasiti 150 kw telah dibina sebelum memulakan operasinya pada tahun 1929.⁷⁹ Pada tahun 1929, kontrak di antara *Power Station and Plant* telah dikeluarkan oleh *Federated Engineering Co.* dan diserahkan kepada Jabatan Elektrik bagi menjalankan kerja-kerjanya pada 3 Mei 1929.⁸⁰ Perancangan ini terdiri daripada dua set 75-kilowatt *Ruston Hornsby Crompton Diesel*. Penjanaan alternatif semasa ialah 400 volts seterusnya meningkat kepada 2,200 volts. Sebagai tambahan, empat substesen jenis

73 *New Site for Telecommunication Building at Kuala Lipis*, Pahang No. 1267/1947.

74 *Ibid.*

75 *Ibid.*

76 Mohamad Khairul Anuar dan Ahmad Kamal Ariffin, “Perkhidmatan Bekalan Elektrik Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Sebelum Tahun 1940: Perkembangan dan Impak Ekonomi”, *Jebat*, Jil. 45, No. 2, Disember 2018, hlm. 24.

77 *Ibid.*, hlm. 24.

78 Noraini Binti Abd Murad (ed.), *Wajah-wajah Di Sebalik Cahaya*, Kuala Lumpur: Lembaga Letrik Negara, 1988, hlm. xi.

79 Mohamad Khairul Anuar dan Ahmad Kamal Ariffin, “Perkhidmatan Bekalan Elektrik”, hlm. 31.

80 *Pahang Administration Report for the year 1929*, hlm. 10.

tiang telah didirikan di Kuala Lipis. Bekalan elektrik yang terhad telah dimulakan pada 26 April 1929 dari jam 5.30 petang hingga tengah malam. Selang dua bulan, bekalan sepenuhnya mula diberikan pada 1 Jun 1929. Jumlah unit yang dijana ialah 98,441kw dan jumlah unit terjual ialah 76,158kw. Manakala, jumlah pengguna pada akhir tahun 1929 ialah seramai 182 orang dan jumlah lampu jalan yang telah dipasang di Kuala Lipis ialah 122 buah lampu jalan. Jumlah pendapatan pada ketika itu ialah \$17,927 dan perbelanjaan selepas menyediakan caj *overhead*⁸¹ berjumlah \$24,924.⁸²

Bilangan pengguna bekalan elektrik di Kuala Lipis dilihat terus meningkat dari semasa ke semasa. Misalnya, pada tahun 1931 bilangan pengguna adalah sebanyak 248 dan meningkat kepada 260 pada tahun 1932. Walau bagaimanapun, bilangan unit yang dihasilkan dan unit yang dijual pada tahun 1932 adalah 210,722kw dan 187,821kw, apabila kedua-duanya menunjukkan penurunan sebanyak 16% dan 11%. Penurunan dalam jualan unit adalah disebabkan terdapat penggunaan bekalan persendirian. Harga yang dikenakan kepada setiap unit pencahayaan peribadi ialah 25 sen dan 5 sen untuk kuasa. Sebagai tambahan, jumlah kutipan juga menurun iaitu sebanyak \$31,450 pada tahun 1932 sebanyak \$37,040 pada tahun 1931.⁸³

Seterusnya, pada tahun 1931 kerja-kerja penyelenggaraan elektrik telah dijalankan mengikut jabatan. Hasil daripada penyelenggaraan di Kuala Lipis didapati bahawa:

*The exhaust valves and seatings were shewing sighs of wear, also both exciter commutators were badly worn-both exciters were removed and commutators skimmed up in the lathe, and all valves are being examined more frequently.*⁸⁴

Selain daripada itu, kesemua enjin didapati berada di tahap yang memuaskan, manakala kesemua *switchgear*⁸⁵ diperiksa secara berkala dan dibersihkan. Pada hujung tahun 1931, *special atomiser* telah sampai dari England untuk menjalankan beban ringan. *Atomiser* ditukar dua kali setiap hari di mana *atomiser* istimewa ini digunakan pada waktu tengahari dan *atomiser* biasa digunakan pada waktu malam.⁸⁶ Pada penghujung tahun juga, *streamline oil filter* telah sampai dari England. Walaupun, agak perlahan, namun mesin tersebut berfungsi dengan baik dan memberi kesan dalam menjimatkan penggunaan minyak pelincir. Manakala bagi stesen kuasa untuk bangunan dan kuarters pula, stesen kuasa telah dibersihkan “... *throughout and intirely lime-washed.*” Semua bangunan juga berada dalam keadaan baik. Sebagai tambahan, PWD juga telah mengecat semula pada bahagian luar dan dalam pejabat yang terdapat di Kuala Lipis. Seterusnya, atap pejabat yang mengalami kerosakan turut ditukar semula oleh PWD.⁸⁷

Manakala bagi kuarters dan bangunan kerajaan, sembilan kuarter dan bangunan kerajaan telah dipasang wayar elektrik. Bagi Keretapi Tanah Melayu Bersekutu, kesemua

81 Struktur yang digunakan dalam transmisi dan pengagihan tenaga elektrik untuk menghantar tenaga elektrik jarak jauh.

82 *Pahang Administration Report for the year 1929*, hlm. 10.

83 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, hlm. 49.

84 *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1931*, hlm. 25.

85 Panel pengedaran yang mengagihkan beban kepada panel-panel yang lebih kecil kapasitinya.

86 *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1931*, hlm. 25.

87 Ibid.

kerja berkaitan elektrik dikekalkan dalam cara yang efisien oleh jabatan tersebut. Di samping itu, pada tahun 1938, bilangan unit yang dijana ialah 299,468kw. Bilangan ini meningkat jika dibandingkan dengan tahun 1937 yang hanya berjumlah 272,419kw. Hal ini menunjukkan kenaikan sebanyak 9.03%. Beban maksimun yang diperhatikan ialah sebanyak 111 k.w dan faktor beban adalah 30.79%.⁸⁸

Seterusnya, dari segi bahagian pencahayaan pula, satu lampu tambahan telah dipasang di Kuala Lipis. Pada tahun 1938, jumlah lampu jalan adalah sebanyak 134 buah lampu jalan. Bilangan pengguna elektrik pada tahun 1938 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 32 orang jika dibandingkan pada tahun 1937 yang hanya berjumlah 399 orang. Aspek penyelenggaraan untuk kuarters dan bangunan kerajaan dijalankan secara berasingan dengan bangunan milik persendirian. Misalnya, sebanyak 10 pemasangan berwayar secara kontrak untuk kuarters dan bangunan kerajaan telah diberikan kepada PWD pada tahun 1938.⁸⁹ Selain itu, pada tahun 1938 juga dapat dilihat jumlah pemasangan meter elektrik di Kuala Lipis. Pemasangan meter ini dapat dipecahkan kepada beberapa jenis iaitu:

Jadual 1
Pemasangan Meter Eletrik di Kuala Lipis pada Tahun 1938

Meter	Jumlah
Meter dipasang untuk pelanggan baru	26
Meter baru bagi menggantikan meter yang rosak	7
Meter yang dibawa untuk baikpulih	25
Aduan daripada pelanggan berkaitan meter	8

Sumber: Diubahsuai dari, *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1938*, hlm. 49.

Pada tahun 1948, Menteri Besar ada mengutus surat kepada Jurutera Elektrik bagi mengesahkan permohonan beliau yang dibuat pada beberapa hari sebelumnya berkaitan pemasangan periuk elektrik di kediamannya.⁹⁰ Di samping itu, lampu-lampu jalan juga mula dipasang di sekitar bandar Kuala Lipis kesan daripada kemasukan atau penjanaan tenaga elektrik di sekitar kawasan tersebut. Penggunaan lampu jalan ini membolehkan bandar Kuala lipis yang dahulunya gelap kini mulai terang dan selamat untuk dilalui pada waktu malam. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko kes jenayah. Pihak Majlis Bandaran juga berusaha memperluaskan pemasangan lampu jalan ke seluruh kawasan pendalaman dalam bandarnya. Buktinya, pada tahun 1931 terdapat sebanyak 130 lampu jalan telah dipasang.⁹¹ Seterusnya pada tahun 1938, terdapat 134 lampu jalan telah dipasang.

Pada tahun 1946, terdapat cadangan bagi pemasangan lampu jalan di Batu Kurap.⁹² Hal ini demikian kerana di sekitar Batu Kurap, terdapat banyak kuarters yang didiami oleh

88 *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1938*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1939, hlm. 49.

89 Ibid.

90 *Electric Installations at the M.B's Residence, Kuala Lipis*, 29 September 1948, Pahang No. 2067/1048.

91 *Annual Report and Accounts of the Electrical Department for the Year 1931*, hlm. 26.

92 *Street Lighting in Batu Kurap, Kuala Lipis*, Pahang No. 1420/1946.

pegawai kerajaan dan pemilik persendirian serta jalan tersebut berhampiran dengan *Wireless Station*. Sebanyak enam hingga lima lampu dicadangkan untuk dipasang dan memakan belanja hampir \$100.⁹³ Seterusnya, pada tahun 1954 pula terdapat penambahbaikan dan pertambahan jumlah lampu elektrik di bandar Kuala Lipis. Hal ini demikian kerana menurut Pengerusi Bandar Kuala Lipis, kawasan Sungai Kerpan, Jalan Bulatan hingga ke “...2nd mile Trunk Road Junction”, *Barry Road* ke Batu Kurap masih tidak mempunyai lampu jalan. Kos bagi penambahbaikan lampu jalan ini dianggarkan bernilai \$13,626.⁹⁴ Hal ini menunjukkan berlakunya pertambahan lampu jalan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian kawasan dan permintaan. Tuntasnya, jelas di sini bahawa Kuala Lipis sememangnya telah mengalami perkembangan dari aspek kemudahan bekalan elektrik.

Kemudahan Bekalan Air

Bekalan air merupakan salah satu infrastruktur asas yang perlu disediakan oleh pihak pentadbir tempatan bagi penduduk Kuala Lipis. Pada peringkat awal, penduduk Kuala Lipis mendapatkan sumber bekalan air dari sungai yang berhampiran dengan penempatan mereka. Hal ini jelas dilihat apabila penduduk di Kuala Lipis telah memusatkan kawasan petempatan mereka di sekitar Sungai Jelai dan Sungai Lipis. Kewujudan kawasan petempatan berhampiran sungai ini membolehkan penduduk Kuala Lipis lebih mudah mendapatkan pelbagai sumber makanan dan bekalan air untuk urusan harian seperti mandi, mencuci pakaian dan memasak. Pelbagai inisiatif telah dirancang untuk memenuhi keperluan penduduk serta bagi memudahkan lagi urusan seharian. Kerja-kerja pembinaan yang berkaitan bekalan air juga giat dijalankan. Misalnya perigi digunakan bagi membekalkan sumber air yang berterusan. Bekalan air bersih mula disalurkan kepada penduduk Kuala Lipis menggunakan sistem tenaga dari tangki utama untuk diagihkan kepada penduduk. Kerja-kerja pemasangan paip juga semakin diperluaskan.

Bekalan air di Kuala Lipis juga hampir siap dibekalkan sepenuhnya. Barangan untuk paip dihantar pada *Armistice Day 1918* dan air dimasukkan ke bandar pada “*Armistice Day 1920*.”⁹⁵ Kerja-kerja ini terdiri daripada usaha mengepung tabungan bagi menahan 3, 180, 000 galon dengan empangan konkrit setinggi tujuh kaki 6 inci, dan 38 kaki panjang yang berada di puncak. Servis tekanan rendah digunakan untuk mengepung “...105,000 gallons capacity, a high level tank of 2,000 gallons capacity, supplied by a hydraulic ram, and 7 miles 46 chains of cast iron pipes from 10 inches to 3 inches diameter.” Jumlah peruntukan untuk menampung kos ini adalah sebanyak \$271, 500.⁹⁶ Pada tahun 1929, empangan pengambilan di Kuala Lipis telah diperkukuh dan dinaikkan, manakala tangki tetap juga telah lengkap. Loji penulenan juga telah digunapakai dan berfungsi dengan baik. Kesan daripada peningkatan kualiti tersebut, jumlah penggunaan air di Kuala Lipis telah meningkat.⁹⁷

93 Ibid.

94 *Improvement and Extension to the Street Lighting in Kuala Lipis Town*, 9/7/1954, Pahang No. 1087/1954.

95 *Supplement to the F.M.S Government Gazette 1921*, hlm. 8.

96 Ibid.

97 *Pahang Administration Report for the year 1929*, hlm. 9.

Kemudahan Perumahan Bagi Kakitangan Kerajaan

Kemudahan perumahan turut dibina dan disediakan khusus untuk pegawai kerajaan. Pada tahun 1922, Rumah Rehat Bukit Residen telah ditubuhkan. Selain itu, Rumah SUK Pahang dan Rumah Pegawai Daerah juga telah didirikan di Kuala Lipis pada tahun 1920. Misalnya pada tahun 1921, sebuah kuarters kelas III telah dibina dan disiapkan. Kuarters ini menempatkan kediaman Pegawai Daerah.⁹⁸ Seterusnya pada tahun 1949, beberapa bangunan tambahan telah dibina dan berada dalam fasa baik pulih. Contohnya, sebuah kuarter kelas V, dua buah kuarter kelas VI dan kuarters untuk pegawai yang berkhidmat di penjara telah dibina.⁹⁹ Namun demikian, terdapat bayaran tertentu yang dikenakan bagi kemudahan perumahan tersebut. Misalnya, bagi pegawai yang tinggal di kuarters kelas V dan ke bawah perlu membayar sewa sebanyak \$15 sehingga \$60 sebulan. Manakala bagi pegawai yang tinggal di kuarters kelas VI dan ke bawah perlu membayar sewa bulanan sebanyak \$12 hingga \$3 sebulan. Walau bagaimanapun di dalam kes tertentu, tiada sebarang bayaran sewa dikenakan.¹⁰⁰

Kemudahan Pasukan Polis

Umumnya, kemudahan keselamatan memainkan peranan penting dalam sesebuah tempat. Dengan adanya kemudahan keselamatan yang baik, maka keadaan yang aman dan tenteram dapat diwujudkan. Tugas-tugas menjaga keselamatan ini dimainkan oleh beberapa unit badan beruniform seperti pasukan polis, bomba dan warden pegawai penjara. Penubuhan pasukan polis di Pahang bermula apabila British mula campur tangan di dalam aspek pentadbiran. Buktinya, dalam laporan tahun yang pertama iaitu pada 1888, ada ditekankan bahawa adalah tidak bijaksana untuk melaksanakan perubahan dengan segera dan "...tidak mungkin pula baginya untuk melaksanakan pentadbiran baru tanpa adanya kekuatan polis dan pegawai-pegawai."¹⁰¹ Kapten Syers kemudiannya telah membawa 80 orang polis yang terdiri daripada orang Melayu dan Sikh untuk melawat Kuala Lipis, Penjom, Teras, Jelai, Temerloh dan beberapa lagi kawasan yang lain.¹⁰²

Pada tahun 1932, Pejabat Polis di Kuala Lipis dan pegawai terdiri daripada:

*...staff of officers consists of a Chief Police Officer or Deputy Commissioner of Police (European) in general charge of the Contingent and an Assistant Commissioner of Police (Malay) and a Probationary Assistant Commissioner of Police when available.*¹⁰³

Pegawai polis memainkan peranan penting dalam mencegah dan mengekalkan keselamatan orang ramai. Pelbagai kegiatan jenayah seperti pembunuhan, rompakan berkumpulan, kes

98 *Supplement to the F.M.S Government Gazette 1921*, hlm. 8.

99 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 36.

100 Ibid.

101 Hassan Yusof, "Pasukan Polis Di Negeri-negeri Melayu (1870-1941)", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 22, 1994, hlm. 41.

102 Ibid.

103 *Annual Report on the Social And Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1932*, hlm. 45.

pecah rumah dan kecurian telah dilaporkan. Pada tahun 1951, depot penyelenggaraan polis telah dibina di Kuala Lipis.¹⁰⁴ Polis di Kuala Lipis mengawal balai polis di Kuala Lipis, Benta, Jerkoh, Penjom, Kuala Medang, Kuala Tahan dan Kampung Chat.¹⁰⁵ Sebagai tambahan, pada tahun 1917 terdapat pertukaran pegawai polis dari Kuala Lipis ke kawasan lain. Pertukaran ini melibatkan Inspektor Wilson dari Balai Polis Kuala Lipis yang ditukar ke depot di Kuala Lumpur. Arahan pertukaran dikuasakan bermula pada 10 Januari 1917.¹⁰⁶

Kemudahan Penjara

Di Kuala Lipis juga telah dibina penjara. Penjara tersebut merupakan antara penjara utama di Pahang selain sebuah lagi penjara yang berada di Kuantan. Pada 1 Januari 1915, bilangan banduan yang sedia ada ialah 67 orang, dan pesalah sivil seramai 10 orang. Bilangan ini bertambah apabila terdapat penambahan baru banduan sebanyak 111 orang dan pesalah sivil seramai 75 orang.¹⁰⁷ Penjara di Kuala Lipis adalah bangunan kekal. Penjara ini dilengkapi dengan bumbung atap dan terdiri daripada enam blok yang dibahagikan kepada 130 sel berasingan, dan tiga wad persatuan yang menyediakan kemudahan untuk 35 banduan. Sebagai tambahan, di setiap penjara mempunyai wad hospital, tempat mandi, dobi, bangsal, dapur, tandas, kebun sayur dan bekalan elektrik. Banduan di sini terdiri daripada banduan yang menghadapi hukuman tidak melebihi 4 tahun penjara dan mereka yang dipindahkan dari Taiping Gaol, Perak.¹⁰⁸

Pada tahun 1951, penjara di Kuala Lipis dikhususkan hanya untuk menempatkan banduan yang menerima hukuman penjara jangka pendek sahaja. Manakala bagi banduan yang dihukum melebihi 18 bulan penjara, banduan tersebut akan dihantar ke Penjara Kuala Lumpur.¹⁰⁹ Staff di penjara Kuala Lipis berada di bawah penguasaan Pegawai Utama Gred 11 yang dibantu oleh seorang Ketua Warden dan 19 warden. Pegawai utama dan Ketua Warden terdiri daripada seorang pegawai Melayu manakala warden terdiri daripada 14 pegawai Melayu, tiga pegawai Sikh, seorang pegawai Tamil dan seorang pegawai Pashtun.¹¹⁰ Bangunan penjara pada tahun tersebut dilengkapi dengan dinding sempadan yang terdiri daripada lembaran timah beralun yang dililit bersama sepuluh kaki wayar berduri. Setiap blok mempunyai 24 sel yang setiap satunya dibuat daripada kayu dan pintu gril besi yang mempunyai bumbung *asbestos*. Penjara ini juga dilengkapi dengan wad penyokong yang boleh menempatkan 20 banduan dan wad hospital mempunyai 12 katil. Bilangan banduan pada awal tahun 1951 adalah 78 orang dan jumlah banduan yang masih ditahan pada akhir tahun ialah 55 orang.¹¹¹

104 *Pahang Annual Report 1951*, Pahang No. 1648/1951.

105 Ibid.

106 *Transfer of Inspector Wilson From Kuala Lipis Pahang to Deport (Kuala Lumpur)*, C.P 43/1917.

107 *Pahang Administration Report for 1915*, H.C.O No. Pahang 932/1912, hlm. 19.

108 Ibid., hlm. 47.

109 *Annual Report on the Treatment of Offenders 1951*, hlm. 2.

110 Ibid.

111 Ibid.

Kemudahan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat

Perkhidmatan bomba merupakan salah satu lagi kemudahan infrastruktur berbentuk keselamatan yang penting untuk perkembangan bandar Kuala Lipis. Pasukan ini bertanggungjawab melindungi bandar Kuala Lipis. Perkhidmatan kebombaanan adalah seiring dengan kewujudan dan perkembangan perkhidmatan polis di Tanah Melayu. Pada peringkat awal, pasukan bomba terdiri daripada pasukan polis sukarela yang dilantik oleh pihak British.¹¹² Pada tahun 1947, Perkhidmatan Bomba negeri Pahang yang dikenali sebagai *fire brigade* telah diwujudkan di beberapa daerah seperti Kuantan, Kuala Lipis, Bentong, Raub, Mentakab dan Pekan. Pentadbiran perkhidmatan bomba ini diletakkan di bawah Majlis Bandaran, manakala mana-mana daerah yang tiada majlis bandaran diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Daerah.¹¹³ Seterusnya, pada 1 April 1946, Malayan Union (MU) telah diperkenalkan yang menggabungkan Negeri-negeri Selat (NNS) kecuali Singapura dengan NNM di bawah satu pentadbiran. Di bawah pentadbiran baru ini, *Malayan Union Fire Services* telah dibentuk dan Flight Lt. W. J. Gorman telah dilantik sebagai *Director of Malayan Union Fire Service* yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.¹¹⁴ Namun kesan daripada penentangan Sultan, Raja, Pembesar Melayu dan rakyat telah menyebabkan MU akhirnya dibubarkan.

Pada 21 Januari 1948, Persekutuan Tanah Melayu (PTM) telah dibentuk. Di bawah pentadbiran PTM, perkhidmatan bomba diserahkan kembali kepada kerajaan negeri di bawah pentadbiran yang sama sebelum ini iaitu di bawah tanggungjawab Lembaga Bandaran atau Lembaga Luar Bandar mengikut negeri masing-masing. Misalnya, pasukan bomba Kuala Lipis diserahkan kembali kuasanya kepada Lembaga Bandaran Kuala Lipis pada tahun 1948. Pada tahun 1951, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan yang berfungsi sebagai penasihat kepada Perkhidmatan Bomba negeri dan kerajaan tempatan.¹¹⁵

Pada 24 November 1947, terdapat surat yang diutus dari *Kuala Lipis Fire Bridage* kepada *Pengarah Fire Services Malayan Union* yang meminta untuk dibekalkan dengan “... *five-belts for fireman, five-axes for fireman and one fire bridage helmet size 6½*.”¹¹⁶ Seterusnya, pada September 1948, terdapat permintaan untuk dibekalkan “...*3 pairs half-wellington fireman's boots and one ajax ladder*.” di *Kuala Lipis Fire Brigade*.¹¹⁷ Pada tahun 1952, *Fire Bridage* telah dipanggil sebanyak tiga kali kerana terdapat kawasan lalang yang terbakar.¹¹⁸ Oleh itu, jelas di sini bahawa terdapat perkhidmatan Bomba yang telah disediakan di Kuala Lipis.

112 Roslina Harun et al., *Sejarah Perkhidmatan Kebombaanan Sebelum Merdeka*, www.bomba.gov.my (tarikh diakses 14 Mac 2019)

113 Ibid.

114 Ibid.

115 Ibid.

116 *Fire Station K. LIPIS*, MUFS 35A.

117 *Kuala Lipis Fire Brigade*, M.F.S 147/1948.

118 *District Office Lipis Annual Report, 1952*, 266/53, hlm. 2.

Kegiatan Sosioekonomi Bandar Kuala Lipis

Kegiatan Perlombongan

Perlombongan merupakan antara kegiatan yang menjadi penyumbang terbesar kepada perkembangan ekonomi sesebuah bandar. Di Kuala Lipis, kegiatan perlombongan bukanlah sesuatu kegiatan yang baru mahupun asing. Kegiatan perlombongan telah dijalankan seawal abad ke-16 lagi. Tambahan lagi, Kuala Lipis suatu ketika dahulu sememangnya terkenal sebagai sumber perlombongan emas yang penting di Pahang. Menjelang akhir abad ke-19, kegiatan perlombongan masih menjadi sumber ekonomi yang penting di Kuala Lipis meskipun tidak sehebat dahulu. Kegiatan ini masih menjadi sumber utama yang menjana pendapatan ekonomi Kuala Lipis serta menjadi punca rezeki kepada penduduk Kuala Lipis. Antara kawasan perlombongan yang terdapat di Kuala Lipis ialah Penjom, Selinsing, Tersang, Kechau Tui, Kampung Melaka, Sungai Serau dan Sungai Tanum.¹¹⁹

Lombong emas Penjom terletak di hulu Sungai Perlu, Mukim Penjom. Kedudukannya berhampiran dengan bandar Kuala Lipis. Lombong emas Penjom merupakan antara lombong emas yang terawal di negeri Pahang dan juga merupakan lombong emas yang terbesar di Malaysia. Lombong emas ini dimiliki oleh sebuah syarikat British iaitu Avocet Mining PLC. Lombong ini mempunyai keluasan sebanyak 2,026 ekar. Seterusnya, lombong emas Selinsing¹²⁰ pula terletak di Bukit Selinsing, Sungai Koyan iaitu kira-kira lima kilometer dari pekan Kuala Medang dan 30 kilometer dari bandar Kuala Lipis. Pada tahun 1897, Malayan Pahang Exploration Company Limited telah diberikan konsesi untuk mengusahakan perlombongan emas di Selinsing. Sebagai tambahan, Malayan Pahang Exploration Company Limited hanya beroperasi sehingga tahun 1904 sahaja. Hal ini demikian kerana pada 1904, hak untuk melombong telah berpindah milik kepada Malay Pahang Mining Syndicate Limited. Seterusnya, pada tahun 1931 sehingga tahun 1934, hak untuk mengusahakan perlombongan emas di Selinsing telah diberikan kepada Raub Australia Gold Mining Company Ltd.¹²¹

Di samping itu, pada tahun 1902 emas seberat 3,720 oz. 13 dwt. 7¼ gr. telah dieksport dari Kuala Lipis dengan kutipan duti sebanyak \$6,782.45. Jumlah ini menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya. Pada tahun 1901, emas yang dieksport hanya seberat 2,919 oz. 4 dwt. 1 gr. dengan duti terkumpul sebanyak \$4,795.87 sahaja. Dalam tempoh setahun sahaja, kutipan duti pada tahun 1902 telah meningkat sebanyak \$1,986.58.¹²² Seterusnya, pada tahun 1932 terdapat “...licences and boring permits 572 *dulang passes to wash for gold in the river beds were also issued chiefly in the Lipis District.*”¹²³ Hal ini jelas menunjukkan bahawa perlombongan emas masih dijalankan dengan giat. Pada tahun 1915, sebanyak 352 ekar tanah telah digunakan bagi kawasan perlombongan di Kuala Lipis.¹²⁴

119 Mohd Rosli bin Awang Besar, *Sejarah Lombong Emas Empang Jaleh*, www.psmkawasanlipis.blogspot.com (tarikh diakses 15 Mac 2019).

120 Aktiviti melombong emas di Selinsing telah bermula sebelum kedatangan British lagi.

121 Ibid.

122 *Supplements to the Pahang Government Gazette*, 1903.

123 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1931*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1932, hlm. 16.

124 *Pahang Administration Report for 1915*, H.C.O. No. Pahang 779/1916, hlm. 11.

Selain itu, terdapat juga laporan yang menyatakan bahawa potensi ekonomi negeri Pahang masih belum diterokai sepenuhnya. Buktinya, pada tahun 1949 kajian geologi masih dilakukan di kawasan Kuala Lipis.¹²⁵ Melalui kajian tersebut, kawasan perlombongan yang berpotensi berhampiran Kuala Medang diperiksa dengan harapan pada masa hadapan *stibnite* (*antimony-ore*)¹²⁶ dan *galena* (*lead-silver-ore*)¹²⁷ ditemui di kawasan tersebut.¹²⁸ Di samping itu, pada awal tahun 1949 pula terdapat 24 permit dan lesen telah dikeluarkan. Seterusnya, berlaku pertambahan dalam pengeluaran lesen dan permit. Buktinya, sebanyak 25 lesen dan permit yang baru telah dikeluarkan bagi aktiviti perlombongan yang melibatkan tanah seluas 273,308 ekar. Ringkasnya, jelas dapat dilihat bahawa kegiatan perlombongan pada tahun 1949 semakin berkembang. Pada tahun 1949, keluasan tanah bagi kegiatan perlombongan di Kuala Lipis dilaporkan sebanyak 3,965 ekar.¹²⁹ Keluasan tanah ini dapat dijadikan bukti untuk mengukur tahap perkembangan sesuatu kegiatan perlombongan.

Pada tahun 1951, Tui Gold. Ltd. pula telah mengeluarkan sejumlah kecil *scheelite*. Penggunaan kaedah yang baru ini diharapkan berjaya menambahkan jumlah pengeluaran *scheelite* pada tahun berikutnya.¹³⁰ Seterusnya, pada 31 Disember 1951, dilaporkan terdapat 3,017 ekar keluasan tanah bagi kawasan perlombongan emas di Kuala Lipis.¹³¹ Emas yang diperolehi pada tahun tersebut ialah sebanyak 354.39 ozs emas. Manakala, antara kaedah yang digunakan dalam perlombongan emas pada ketika itu ialah menggunakan kaedah pam kerikil.¹³² Bilangan pekerja di lombong emas pada tahun tersebut dianggarkan seramai 68 orang dan dapat dibahagikan mengikut bangsa iaitu Melayu, Cina dan India.

Kegiatan Pertanian

Selain kegiatan perlombongan, di Kuala Lipis turut terdapat kegiatan pertanian. Kegiatan pertanian di Kuala Lipis dapat dipecahkan kepada pelbagai bentuk pertanian. Antaranya seperti perladangan getah, padi, kelapa, tembakau, buah-buahan dan pelbagai lagi bentuk tanaman lain. Kegiatan pertanian ini juga bukan hanya untuk kegunaan penduduk di Kuala Lipis semata-mata tetapi turut dieksport ke kawasan lain seperti Kuala Lumpur dan Singapura. Kemajuan kegiatan pertanian ini dapat dibuktikan melalui jumlah hasil pendapatan dan keluasan tanah yang digunakan untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Pada tahun 1915, terdapat rekod yang menyatakan bahawa *gutta percha* (getah taban) dari hutan terbuka di Kuala Lipis telah dieksport ke Singapura. Jumlah getah taban yang dieksport ialah sebanyak 264 pikul 28 kati.¹³³ Sebagai tambahan, Kuala Lipis juga

125 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 2.

126 Stibnite yang juga dikenali sebagai antimonite ialah merupakan mineral sulfida. Mineral ini berwarna kelabu lembut dan merupakan sumber terpenting untuk *metalloid antimony*.

127 Galena juga dikenali sebagai *lead glance* ialah mineral semula jadi yang membentuk sulfida plumbum (II). Mineral ini merupakan bijih timah utama yang penting dan sumber perak yang penting.

128 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 2.

129 *Pahang Annual Report, 1949*, Pahang No. 2206/1949.

130 *Pahang Annual Report, 1951*, Pahang No. 1648/1951.

131 Ibid.

132 Ibid.

133 *Pahang Administration Report for the year 1915*, hlm. 10.

merupakan antara pengeluar kelapa yang terbesar di negeri Pahang pada tahun 1932. Kelapa yang ditanam dieksport ke Singapura melalui Pelabuhan Kuantan dan Pekan.¹³⁴ Selain itu, tembakau turut ditanam di Kuala Lipis. Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab tertentu pengeluaran tembakau pada tahun 1932 adalah agak sedikit jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.¹³⁵ Pada tahun 1937, jumlah keluasan tanah bagi tanaman tembakau di Kuala Lipis ialah 224 ekar. Kuala Lipis pada masa itu merupakan antara salah satu daerah di negeri Pahang yang menjadi pengeluar tembakau.¹³⁶ Daun tembakau yang telah dikeringkan dijual di pasar di Kuala Lumpur. Seterusnya, terdapat juga pokok buah pinang ditanam di Kuala Lipis. Buktinya, pada tahun 1937 dilaporkan terdapat sejumlah kawasan bagi penanaman buah pinang yang berkeluasan 999 ekar. Penanaman buah pinang kebiasaannya diusahakan oleh orang Cina.¹³⁷

Pada tahun 1939, Ladang Selborne yang terletak di Padang Tengku yang berhampiran dengan Sungai Jelai menjadi antara pengeluar getah terkemuka di NNMB.¹³⁸ Ladang estet ini berkeluasan 3,000 ekar dan turut mempunyai tanaman tambahan di hutan berhampiran Trolak, Perak bagi tujuan pembenihan. Estet ini juga mempunyai kilang yang besar dan moden. Namun, pada tahun tersebut berlaku penurunan dalam hasil pengeluaran getah perca daripada estet tersebut. Hal ini demikian kerana pekerja dari Jawa dan Gurkha telah berhenti dan separuh lagi telah dihantar pulang ke India.¹³⁹ Selain itu, buah-buahan yang ditanam di Kuala Lipis juga membuahkan hasil dengan baik. Antara buah-buahan tersebut ialah pisang, betik, rambutan, limau, ciku dan manggis.¹⁴⁰ Selain itu, padi juga menjadi salah satu kegiatan pertanian yang utama di Kuala Lipis.

Pada tahun 1951, keluasan tanah bagi penanaman getah pula dianggarkan sebanyak 191,660 ekar. Kuala Lipis, Raub, Bentong dan Temerloh misalnya menghasilkan "...yields in the proximity of 1,000 pounds per acre."¹⁴¹ Kawasan penanaman getah ini kebanyakan dimonopoli oleh pihak pengurusan dan syarikat dari Eropah. Selebihnya dimiliki oleh orang persendirian iaitu orang Cina dan Melayu serta hanya sebilangan kecil orang India. Estet terbesar yang dimiliki oleh orang Eropah di Kuala Lipis ialah terletak di Budu yang berkeluasan 4,550 ekar dan Benta yang berkeluasan 3,350 ekar.¹⁴² Orang Melayu umumnya memiliki keluasan penanaman getah di bawah 10 ekar. Kesemua hasil pengeluaran getah dalam negeri kemudiannya dieksport ke kawasan lain. Sebagai penegasan, dapat disimpulkan bahawa kegiatan pertanian sememangnya dijalankan secara meluas di Kuala Lipis dan telah menjadi penyumbang kepada perkembangan aspek ekonomi Kuala Lipis.

134 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm 20.

135 Ibid.

136 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang, 1937*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1938, hlm. 55.

137 Ibid., hlm. 54.

138 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm. 21.

139 Ibid.

140 Ibid.

141 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 10.

142 Ibid.

Kegiatan Penternakan

Selain kegiatan pertanian, kegiatan penternakan juga giat dijalankan di Kuala Lipis. Kegiatan penternakan ini dijalankan bukan sahaja semata-mata untuk dijual sebagai sumber makanan, tetapi turut ditenak bagi membantu kegiatan pertanian. Contohnya, kerbau digunakan sebagai alat untuk membajak kawasan penanaman padi. Antara haiwan yang ditenak ialah kerbau, lembu, kambing, kambing biri-biri, babi dan kuda. Bilangan haiwan ini terus mengalami turun naik. Misalnya, bagi babi jumlah ternakan pada tahun 1947 ialah 17,335 ekor, kemudiannya meningkat kepada 19,739 ekor pada tahun 1948, sebelum menurun kepada 16,190 ekor pada tahun 1949. Manakala bagi kerbau pula jumlah ternakan dari tahun 1947 sehingga 1949 hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Misalnya pada tahun 1947, jumlah kerbau ialah sebanyak 25,378 ekor, pada tahun 1948 pula sebanyak 25,819 ekor, seterusnya pada tahun 1949 sebanyak 25,790 ekor.

Selain itu, terdapat juga penternakan ayam yang dijalankan di Kuala Lipis pada tahun 1937. Walau bagaimanapun kesan daripada wabak penyakit telah menyebabkan jumlah ayam berkurang daripada 49 ekor pada awal tahun, kepada 32 ekor pada akhir tahun.¹⁴³ Harga haiwan ternakan pada tahun 1949 pula masih di tahap yang tinggi seperti berikut:

*...\$120 to \$130 for a cow or bull for meat; \$250 to \$300 for a cow or bull for breeding; \$150 to \$200 for a buffalo for meat; \$250 to \$300 for breeding buffaloes; \$350 to \$400 for a timber hauling buffalo; and the price of a goat or sheep (local) was as much as \$35 to \$40 per head.*¹⁴⁴

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kegiatan penternakan sememangnya mendatangkan keuntungan kepada penternak. Sebagai tambahan, pada tahun 1951, wujud sebuah *Co-operative Livestock Breeding Society* di Kuala Lipis. Sebagai penegasan, jelaslah bahawa kegiatan penternakan haiwan sememangnya mendatangkan keuntungan kepada penduduk. Oleh itu, tidak hairanlah apabila terdapat penduduk Kuala Lipis yang menjadikan kegiatan penternakan sebagai salah satu punca mata pencarian bagi menampung hidup seharian.

Pusat Komersial

Faktor-faktor ini kemudiannya membawa kepada perkembangan pusat komersial di Kuala Lipis yang dapat dipecahkan kepada kegiatan perniagaan barangan dan perkhidmatan. Antara kegiatan perniagaan barangan dan perkhidmatan yang dijalankan pada tahun 1898 sehingga tahun 1955 ialah perhotelan, hiburan, makanan, institusi kewangan dan automatik. Perkembangan pusat komersial di Kuala Lipis telah membawa kepada kemunculan pelbagai kegiatan perniagaan dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Melalui peluang pekerjaan yang terbuka luas juga, penduduk tempatan berpeluang untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik.

143 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang, 1937*, hlm. 57.

144 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 16.

Penduduk Cina merupakan golongan yang mendominasi kegiatan perniagaan di Kuala Lipis. Malahan, kebanyakan rumah kedai di sekitar Kuala Lipis pada ketika itu dimiliki oleh orang Cina. Kawasan rumah kedai ini dibina di bandar lama yang meliputi Jalan Jelai dan *Main Street*.¹⁴⁵ Sebagai tambahan, terdapat 66 buah bangunan¹⁴⁶ telah siap dibina di Kuala Lipis sebelum Perang Dunia Kedua.¹⁴⁷ Daripada 66 buah bangunan tersebut, 15 unit merupakan bangunan berbentuk sebuah-sebuah yang terletak sekitar bandar Kuala Lipis, dan selebihnya ialah bangunan rumah kedai dengan pelbagai jenis seni bina tertentu di sepanjang Jalan Besar dan Jalan Jelai.¹⁴⁸ Antara reka bentuk bangunan rumah kedai ini ialah *Art Deco* sebanyak 38 buah, *Utilitarian* sebanyak 11 buah, *Sino-Palladian* sebanyak 15 buah, dan *Straits Eclectic* sebanyak dua buah.¹⁴⁹ Seni bina ini dilihat berjaya menghidupkan suasana kolonial di kawasan Kuala Lipis. Ringkasnya, bangunan inilah yang berfungsi sebagai tempat untuk penduduk Kuala Lipis menjalankan aktiviti perniagaan melibatkan barangan dan perkhidmatan.

Antara perniagaan makanan yang terdapat di Kuala Lipis ialah kedai kek dan roti. Misalnya, dalam mesyuarat yang dijalankan oleh *Kuala Lipis Town Board* ada menyatakan berkaitan keperluan untuk memberi lesen kepada penghantar bagi kedai kek.¹⁵⁰ Selain perniagaan berasaskan makanan, terdapat juga perniagaan berbentuk hiburan seperti panggung wayang dan kedai judi. Buktinya, dalam mesyuarat *Kuala Lipis Town Board* yang diadakan di Pejabat Daerah Kuala Lipis pada 13 Ogos 1948 ada membincangkan berkaitan pemasangan lampu kecemasan di dalam panggung wayang dan teater.¹⁵¹ Hal ini jelas membuktikan bahawa pada tahun 1948 lagi bandar Kuala Lipis sudah mempunyai panggung wayang dan teater. Selain itu, antara kedai judi yang ada di Kuala Lipis ialah Da Ma Cai yang dibuka sejak tahun 1928.

Perniagaan berbentuk hiburan seterusnya ialah kedai arak. Buktinya, di Kuala Lipis terdapat kedai yang menjual todi (*palm wine*). Penjualan todi sebenarnya telah menimbulkan kebimbangan kerajaan negeri. Walaupun demikian, Jabatan Kastam Persekutuan masih tetap menjalankan perniagaan tersebut. Buktinya, *Government Toddy Shop* masih giat dijalankan di Kuala Lipis, Raub dan Kuantan.¹⁵² Jumlah pendapatan daripada hasil jualan todi daripada tiga kedai di atas pada tahun 1949 mencecah \$83,804. Jumlah pendapatan ini semakin bertambah jika dibandingkan dengan jumlah hasil pendapatan pada tahun 1948 yang hanya berjumlah \$65,770.¹⁵³ Harga sebotol todi juga telah meningkat daripada 14 sen kepada 20 sen per *pint*¹⁵⁴ bermula 1 Januari 1949. Sebagai tambahan, arak jenis ini hanya boleh didapati di kedai milik kerajaan. Hal ini demikian kerana pada tahun 1949, kedai todi milik persendirian atau estet tidak lagi dibenarkan untuk menjualnya.¹⁵⁵ Oleh itu, tidak hairanlah mengapa hasil jualan todi di kedai-kedai todi milik kerajaan semakin bertambah saban tahun.

145 Wawancara dengan Ahmad Shah Rizal Bin Mohamed, Penolong Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, 7 November 2018, Majlis Daerah Lipis, Pahang.

146 Bangunan ini kekal hingga ke hari ini dan dikenali sebagai Bangunan Warisan Rumah Kedai.

147 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, Malaysia, hlm. 25.

148 Ibid.

149 Ibid.

150 *Lipis Town Board Meetings 1948*, MED. Phg. 19/4.

151 Ibid.

152 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 9.

153 Ibid.

154 Ukuran untuk cecair.

155 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 9.

Di samping itu, penduduk Kuala Lipis turut mengusahakan perniagaan berbentuk automatik seperti membuka bengkel membaiki kenderaan. Contohnya, terdapat rekod bertulis mengenai kenderaan yang rosak dan dihantar ke bengkel milik PWD.¹⁵⁶ Perniagaan seperti ini dilihat sangat wajar dijalankan kerana industri pengangkutan pada ketika itu mulai berkembang pesat di Kuala Lipis. Penduduk mula menggunakan kenderaan seperti motorsikal, kereta dan perkhidmatan bas awam untuk bergerak. Sebagai tambahan, terdapat juga beberapa bengkel bagi membaiki motorsikal yang telah dibuka pada tahun 1945.¹⁵⁷ Perkembangan pusat perusahaan automotif di Kuala Lipis secara tidak langsung membuktikan bahawa industri pengangkutan berkembang dengan pesat pada ketika itu.

Selain itu, di Kuala Lipis turut terdapat perkhidmatan pajak gadai. Perkhidmatan ini menawarkan pembelian emas yang digadaikan. Buktinya, terdapat bon pajak gadai yang telah ditandatangani pada tahun 1947. Perjanjian bon ini melibatkan beberapa kedai dan pemilik dengan pihak Residen. Antaranya ialah Yong Mien Lim dan Chop Wai Sin yang merupakan pemilik kedai di 60 *Main Street*, Leow Kok Chin yang merupakan pemilik kedai di 67 *Main Street*, dan How Siad Siew yang merupakan pemilik kedai di 96 *Main Street*. Di dalam bon tersebut ketiga-tiga peniaga bersetuju untuk membayar sebanyak \$500 kepada *State Treasurer*.¹⁵⁸ Sebagai tambahan, terdapat juga pembayaran tender sebanyak \$100 bagi tempoh enam bulan, dan \$176 hingga \$156 bagi tempoh tiga tahun seterusnya.¹⁵⁹ Seterusnya, turut dibina institusi kewangan di Kuala Lipis seperti bank. Pada 1949, hanya terdapat dua cawangan *Mercantile Bank of India Limited* di Pahang, iaitu satu di Kuala Lipis, dan satu lagi di Kuantan.¹⁶⁰ Pembinaan bank ini jelas memperlihatkan pembangunan bandar Kuala Lipis sebagai sebuah pusat komersial yang pesat membangun di Pahang.

Selain itu, perkembangan pesat bandar Kuala Lipis sebagai pusat komersial juga dapat dilihat melalui pembinaan bangunan komersial seperti hotel. Banyak hotel telah dibina di sekitar bandar Kuala Lipis mulai tahun 1900-an. Pertambahan kemasukan penduduk dari luar Kuala Lipis juga telah menyumbang dan membawa kepada bermulanya perkhidmatan perhotelan secara pesat. Buktinya, Hotel London telah ditubuhkan pada tahun 1928 dan Hotel Central pula ditubuhkan pada tahun 1921. Selain itu, terdapat juga rumah rehat yang telah dibina pada tahun 1922 dan dikenali sebagai Rumah Rehat Bukit Residen. Rumah rehat berfungsi sebagai hotel atau tempat penginapan sementara bagi para pelabur dan pelancong ketika melawat Kuala Lipis. Malahan, rumah rehat juga digunakan untuk menempatkan pegawai Eropah yang datang ke Kuala Lipis untuk urusan rasmi. Tegasnya, jelas di sini bahawa perkembangan pusat komersial telah menyumbang kepada pertambahan dan kemajuan aspek perbandaran di Kuala Lipis pada tahun 1898 sehingga tahun 1955.

Pusat Pendidikan

Kuala Lipis bukan sahaja berkembang di dalam aspek ekonomi, tetapi juga berkembang dalam aspek sosial. Sebagai buktinya, perkembangan pusat pendidikan di Kuala Lipis berada

156 *Government Vehicles Sent to the PWD. Workshop Lipis for Repairs.*

157 *New Motor Ltd. 44, Jelai St, Kuala Lipis.*

158 *Pawnbroker's Licence, Lipis District for Period 1/6/1947 to 31/12/1947, Pahang No. 484/1947.*

159 *Ibid.*

160 *State of Pahang Annual Report for the year 1949, hlm. 8.*

di satu tahap yang agak memberangsangkan jika dibandingkan dengan daerah dan negeri lain pada ketika itu. Sekolah di Kuala Lipis dapat dibahagikan kepada beberapa jenis. Antaranya ialah sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Sebagai tambahan, sekolah di Kuala Lipis juga dapat dipecahkan kepada sekolah lelaki dan sekolah wanita. Sekolah-sekolah ini menjadi asas yang kukuh kepada perkembangan intelektual di Kuala Lipis. Perkembangan ini telah memperkukuh lagi peranan Kuala Lipis sebagai sebuah pusat pendidikan yang unggul kerana keupayaannya dalam menyediakan peluang pendidikan yang terbaik untuk anak-anak tempatan tanpa mengira bangsa dan kaum.

Dari tahun 1898 sehingga tahun 1955, terdapat banyak sekolah telah didirikan di Kuala Lipis bagi memenuhi keperluan semasa. Sekolah-sekolah ini dapat dipecahkan mengikut sekolah vernakular iaitu sekolah Melayu, sekolah Tamil dan sekolah Cina. Daripada 36 buah sekolah yang ditubuhkan di bandar Kuala Lipis, terdapat 24 buah sekolah Melayu telah ditubuhkan, manakala sekolah Inggeris pula sebanyak dua buah. Sebagai tambahan, sekolah Tamil pula sebanyak empat buah dan sekolah Cina pula sebanyak enam buah. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa bilangan sekolah Melayu adalah melebihi bilangan sekolah vernakular lain di Kuala Lipis. Hal ini demikian kerana penduduk majoriti Kuala Lipis ialah orang Melayu. Tambahan pula, sekolah ini didirikan bukan hanya tertumpu kepada kawasan bandar semata-mata tetapi turut meliputi kawasan luar bandar. Meskipun sekolah Cina lambat didirikan, namun bilangannya sehingga tahun 1955 melebihi bilangan sekolah Tamil. Hal ini demikian kerana sekolah Cina mempunyai banyak sumber kewangan yang disalurkan oleh para pengusaha Cina.

Antara faktor yang membawa kepada penubuhan sekolah di Kuala Lipis ialah apabila pihak kerajaan telah membenarkan penduduk kampung untuk mendirikan bangunan sekolah di kampung dengan reka bentuk bangunan sekolah yang sesuai. Sekolah-sekolah ini dikenali sebagai sekolah percubaan.¹⁶¹ Melalui sekolah tersebut, pendidikan kepada murid-murid perlu diberikan selama tiga tahun. Jika sekolah tersebut mendapat sambutan dan sesuai, bangunan yang telah dibina oleh penduduk kampung diganti dengan bangunan sekolah tetap oleh kerajaan. Bahkan, sehingga tahun 1939, sekolah percubaan masih diteruskan.¹⁶² Bertitik tolak daripada kebenaran tersebut, bilangan sekolah semakin bertambah dari semasa ke semasa. Sekolah Melayu Tanjung Besar dan Sekolah Melayu Kampung Budu merupakan antara dua buah sekolah yang terawal didirikan di Kuala Lipis.

Selepas tahun 1900, banyak sekolah telah dibuka terutama sekolah Melayu. Misalnya pada tahun 1909, Sekolah Melayu Mela telah ditubuhkan hasil usaha gotong royong penduduk di Cheka.¹⁶³ Sekolah ini beratapkan nipah, berdindingkan kulit kayu serta berlantaikan buluh. Guru Besar pertama bagi sekolah ini ialah Haji Idris bin Abu Bakar. Beliau berkhidmat sebagai guru besar di sekolah tersebut dari tahun 1909 sehingga tahun 1930.¹⁶⁴ Semasa zaman pemerintahan Jepun, tapak sekolah ini telah berpindah ke suatu kawasan rumah keretapi yang terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan dengan nama "Rumah Kamin Torry".¹⁶⁵

161 Rokeman Abdul Jalil, *Sejarah dan Perkembangan 100 Tahun (1898-1998) Sekolah-sekolah Daerah Lipis*, www.psmkawasanlipis.blogspot.com (tarikh diakses 23 Mac 2019).

162 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm. 35.

163 Rokeman Abdul Jalil, *Sejarah dan Perkembangan 100 Tahun (1898-1998)*.

164 Ibid.

165 Ibid.

Pada ketika itu pelajar Sekolah Melayu Mela terdiri daripada murid lelaki sahaja. Hal ini demikian kerana kaum wanita dan kanak-kanak perempuan tidak digalakkan bersekolah atas sebab keselamatan dan khuatir akan kekejaman tentera Jepun. Bahkan, anak-anak perempuan dalam usia yang terlalu muda juga telah dikahwinkan dengan pasangan pilihan keluarga.

Seterusnya, mulai tahun 1910, pula sekolah-sekolah di negeri Pahang termasuk Kuala Lipis mula diletakkan di bawah pengawalan dan seliaan Pegawai Daerah yang dibantu oleh seorang guru pelawat. Pada tahun 1913, H.C.H Lane telah dilantik sebagai pemangku *Inspector of School Pahang* untuk mengawasi sistem pendidikan.¹⁶⁶ Pada masa itu juga, dapat dilihat kerajaan British telah memberikan keutamaan kepada pendidikan Inggeris. Pada tahun 1913 misalnya, sebuah *Governnment English School*¹⁶⁷ telah dibuka di bandar Kuala Lipis.¹⁶⁸ Bangunan asal sekolah ini merupakan sebuah rumah kayu beratap nipah yang terletak di Jalan Besar berhampiran bandar Kuala Lipis. Pengasas dan pengetua sekolah ini ialah V.N. Bartlett iaitu seorang lelaki berbangsa India yang berasal dari Sri Lanka.¹⁶⁹ Bahasa Inggeris merupakan bahasa penghantar di sekolah tersebut dan sekolah ini juga dibuka kepada semua kaum. Menjelang tahun 1914, sebuah bangunan baru yang mampu menampung lebih kurang 100 pelajar telah dibina di Jalan Batu Kurap. Seterusnya, pada tahun 1919 telah dibina sebuah bangunan di tengah padang sekolah, namun akibat banjir besar pada tahun 1926 bangunan tersebut telah musnah dan diganti dengan sebuah asrama.¹⁷⁰ Pada tahun 1928, bangunan batu dua tingkat telah dibina. Sekolah ini telah siap sepenuhnya dan dibuka pada 9 September 1929.¹⁷¹ Sir Hugh Clifford yang merupakan Gabenor NNS merangkap Pesurujaya Tinggi NNMB telah merasmikan bangunan ini dan menamakannya sebagai Sekolah Clifford.

Sekolah ini merupakan antara sekolah Inggeris yang dilengkapi infrastruktur yang terbaik di Pahang. Sekolah ini mempunyai 240 pelajar dan mempunyai lapan kelas. Terdapat juga kelas tambahan yang dibina dan digunakan apabila perlu.¹⁷² Pada tahun 1950, terdapat laporan yang mengandungi jangkaan belanja bagi menampung kos pembinaan asrama dan bilik darjah yang baharu di Sekolah Clifford. Di dalam laporan tersebut juga disertakan surat yang ditulis oleh R.A. Goodchild merangkap *Senior Inspector of Schools Pahang* yang memaklumkan kepada Setiausaha Negeri Pahang berkaitan maklumat bahawa Jurutera Negeri bakal menghantar jentolak bagi membersihkan tapak bagi kawasan pembinaan. Kos bagi pembersihan tersebut dianggarkan berjumlah \$2,500.¹⁷³

Seterusnya, pada tahun 1955 terdapat pelbagai bentuk penambahbaikan telah dijalankan di Sekolah Clifford. Antara alasan yang dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan sekolah ini adalah kerana bilangan pelajar yang ramai iaitu sebanyak 798 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, terdapat 320 pelajar yang meliputi 148 pelajar Melayu lelaki yang tinggal di asrama yang disediakan, 268 orang pelajar Cina dan 206 orang pelajar India.¹⁷⁴ Meskipun demikian, sekolah ini tidak dibesarkan kecuali untuk blok sains dan sesetengah

¹⁶⁶ Ibid.

¹⁶⁷ Kini dikenali sebagai Sekolah Clifford.

¹⁶⁸ Rokeman Abdul Jalil, *Sejarah dan Perkembangan 100 Tahun (1898-1998)*.

¹⁶⁹ Ibid.

¹⁷⁰ Ibid.

¹⁷¹ *Pahang Administration Report for the year 1929*, hlm. 15.

¹⁷² Ibid.

¹⁷³ *Estimates 1951: New Hostel and Classrooms at Clifford School, Kuala Lipis*, Pahang No. 1520/1950.

¹⁷⁴ *School Hall and other extension at Clifford School, Kuala Lipis*, Educ. Phg. 536/1955.

kelas. Sebagai tambahan, sekolah ini juga tidak mempunyai dewan, perpustakaan, bilik membaca di samping mempunyai keluasan yang agak kecil berbanding jumlah pelajar yang ramai. Proses penambahbaikan ini melibatkan kos sebanyak \$200,000.¹⁷⁵ Sebanyak \$10,000 diperuntukkan untuk mengubahsuai blok asrama kepada bengkel bagi pertukangan besi dan kayu, mengubahsuai dapur sekolah kepada kelas, dan pengubahsuaian bangunan Asrama Melayu.¹⁷⁶

Sebagai tambahan, jumlah guru yang mengajar di Sekolah Inggeris di Kuala Lipis dan Kuantan pada tahun 1920 ialah seramai empat orang guru Tamil. Masing-masing merupakan pelajar lulusan Senior Cambridge.¹⁷⁷ Seterusnya, pada tahun 1939 pula, pemakaian baju seragam sekolah telah diwajibkan di semua sekolah Melayu. Pelajar lelaki diwajibkan untuk memakai baju t-shirt putih dan berseluar pendek berwarna hitam manakala bagi pelajar perempuan pula perlu memakai baju kurung putih dan berkain warna hitam.¹⁷⁸ Selepas pendudukan Jepun sehingga tahun 1955, pembinaan sekolah Melayu semakin giat ditubuhkan. Buktinya terdapat sebanyak sembilan buah sekolah telah didirikan. Antaranya ialah Sekolah Kebangsaan Kuala Kenong (1943), Sekolah Kebangsaan Tanjung Gahai (1945), Sekolah Kebangsaan Kuala Medang (1945), Sekolah Kebangsaan Kuala Lanar (1946), Sekolah Kebangsaan Berchang (1948), Sekolah Kebangsaan Lubok Kulit (1948), Sekolah Kebangsaan Jeram Landak (1950), Sekolah Kebangsaan Limau Purut (1952) dan Sekolah Kebangsaan Aur Gading (1954).¹⁷⁹ Sekolah Melayu Kuala Medang misalnya dibuka selepas Perang Dunia Kedua. Sekolah ini mempunyai keluasan 6.2 ekar, dan dibina oleh masyarakat setempat secara gotong-royong. Pada peringkat awal, sekolah ini hanya mempunyai seorang guru dan 60 orang pelajar.¹⁸⁰

Pada tahun 1954 pula, terdapat permohonan bagi menukar tapak Sekolah Melayu Batu Yon ke tapak baru di Bukit Bentong.¹⁸¹ Permohonan ini dikemukakan oleh Tengku Ismail Muhd merangkap Setiausaha Lembaga Penasihat Sekolah Batu Yon di atas beberapa alasan tertentu. Antaranya ialah kerana kedudukan sekolah yang terletak jauh dari rumah penduduk kampung dan terpencil. Bahkan keadaan semakin membimbangkan sewaktu zaman darurat. Keselamatan pelajar juga berada pada tahap yang agak membimbangkan.¹⁸² Di samping itu, tapak bangunan Sekolah Batu Yon juga telah lama iaitu berusia hampir 37 tahun. Sekolah ini sejak dari tahun 1917 lagi.¹⁸³ Sebagai tambahan, pelawat juga sukar untuk melawat sekolah disebabkan kedudukannya yang jauh dan terpencil. Akhir sekali, majoriti pelajar di sekolah tersebut berasal dari Bukit Bentong. Misalnya, daripada 71 orang pelajar, 52 pelajar datang dari Bukit Bentong. Pelajar yang selebihnya berasal dari kampung lain seperti Pamah Aur, kepong, Bukit Kota, Beriangan dan Tempinang.¹⁸⁴

Pendidikan Tamil dan Cina secara formal agak lewat dibangunkan jika dibandingkan dengan pendidikan Melayu di bandar Kuala Lipis. Sebelum merdeka, kebanyakan sekolah

175 Ibid.

176 Ibid.

177 *Supplement to the F.M.S Government Gazette, 1921*, hlm. 17.

178 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm. 34.

179 *Senarai Daftar Sekolah-sekolah Pahang (1898-2004)*.

180 Rokeman Abdul Jalil, *Sejarah dan Perkembangan 100 Tahun (1898-1998)*.

181 *Malay School, Batu Yon, Kuala Lipis*, Pahang No. 1089/1955.

182 Ibid.

183 Ibid.

184 Ibid.

Tamil didirikan di kawasan estet. Antara sekolah tersebut ialah Sekolah Tamil Ladang Selborne (1940), Sekolah Tamil Bandar Lipis (1942) Sekolah Tamil Ladang Benta (1947) dan Sekolah Tamil Ladang Budu (1947).¹⁸⁵ Sekolah Tamil yang dibina ini bertujuan untuk memberi pendidikan kepada pelajar berbangsa India. Pada tahun 1949, jumlah pelajar Sekolah Tamil Kuala Lipis ialah seramai 106 orang.¹⁸⁶ Seterusnya, pada Julai 1950, jumlah pelajar sekolah ini meningkat kepada 109 pelajar. Guru Besar sekolah pada ketika itu ialah Mr. Chinniah.¹⁸⁷ Antara subjek yang diajar di Sekolah Tamil Kuala Lipis ialah aspek kebersihan, geografi, kelas muzik, kelas bercerita dan kelas membaca. Bagi pelajar Tahap I, kelas bercerita diajar melalui pelbagai bentuk gaya, dan disertakan dengan lagu. Manakala untuk Tahap II pula, pelajar dipraktikkan dengan cara menjaga kebersihan. Seterusnya, bagi pelajar yang berada pada Tahap IV dan V, mereka ditumpukan kepada pengajaran peta dan ilustrasi.¹⁸⁸

Sekolah Cina pula juga agak lewat ditubuhkan jika dibanding dengan sekolah Tamil di Kuala Lipis. Sekolah Cina yang paling awal dibina ialah pada tahun 1950 iaitu melalui penubuhan Sekolah Cina Padang Tengku. Dari tahun 1950 sehingga 1955, terdapat lagi lima buah sekolah Cina telah didirikan. Antaranya ialah Sekolah Cina Penjom (1951), Sekolah Cina Jerkoh (1952), Sekolah Cina Benta (1954), Sekolah Cina Mela (1955) dan Sekolah Cina Chung Hwa (1955).¹⁸⁹ Di samping itu, terdapat juga sekolah lelaki yang ditubuhkan di Kuala Lipis.¹⁹⁰ Antaranya ialah Sekolah Melayu Lelaki Kuala Lipis.¹⁹¹ Sesi persekolahan sekolah ini bermula pada 8.00 pagi sehingga 12.45 tengah hari. Sekolah ini berlangsung selama lima hari seminggu, dan waktu rehat sekolah pula ialah pada jam 10.15 pagi. Sebelum jam 8.00 pagi, aktiviti seperti berkebun dan latihan fizikal sudah selesai dijalankan.

Purata bilangan pelajar lelaki di dalam sebuah kelas ialah 30 orang dan berusia enam tahun ke atas.¹⁹² Terdapat lima tahap di sekolah lelaki iaitu Tahap I, Tahap II, Tahap III, Tahap IV dan Tahap V. Pelajar lelaki yang baru mendaftar bermula pada Tahap I, dan pada umur 12 tahun mereka perlu melepasi Tahap V.¹⁹³ Pada Tahap V, pelajar seharusnya sudah boleh membaca dan menulis dengan betul dalam bahasa percakapannya, sama ada bahasa Arab atau dalam tulisan rumi. Seterusnya, boleh menyelesaikan pengiraan aritmetik mudah yang terdiri daripada pecahan, berat dan pengukuran, kawasan, perpuluhan, untung dan rugi, peratusan dan pengiraan harian. Mereka juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai geografi Kepulauan Melayu dan kawasan Asia yang lain, dan akhir sekali mempunyai pengetahuan dalam seni dan kraf.¹⁹⁴

Di Kuala Lipis juga terdapat sekolah perempuan. Buktinya, terdapat laporan berkaitan *Malay School Girls*, Kuala Lipis pada tahun 1946. Antara isi kandungan laporan tersebut ialah berkaitan lawatan yang dijalankan di sekolah tersebut. Memetik isi laporan lawatan tersebut antaranya ialah mengenai waktu lawatan, jumlah kehadiran guru dan pelajar, keadaan kawasan

185 *Senarai Daftar Sekolah-sekolah Pahang (1898-2004)*.

186 *K. Lipis Tamil School Kuala Lipis*, Educ. Phg. (1)4/45. Part II.

187 *Ibid.*

188 *Ibid.*

189 *Senarai Daftar Sekolah-sekolah Pahang (1898-2004)*.

190 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm. 37.

191 *Malay School Kuala Lipis Boys*, 1954, Educ. Phg. 247/1954.

192 *Ibid.*

193 *Ibid.*

194 *Ibid.*

sekolah dan taman bunga sekolah. Melalui laporan tersebut juga ada menyatakan bahawa terdapat dua orang guru yang mengajar dan bilangan pelajar pula seramai 40 orang.¹⁹⁵ Selain itu, di dalam laporan tersebut juga terkandung mengenai permohonan daripada *Chung Hwa Chinese School* yang bertarikh 20 Ogos 1946. Di dalam surat permohonan tersebut, Presiden *Chung Hwa Chinese School* memohon untuk membuat tempat bermain bola keranjang dan gelanggang badminton di kawasan berhadapan *Malay Girls' School*.¹⁹⁶

Walau bagaimanapun, berbanding sekolah lelaki, sekolah perempuan tidak begitu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa hanya terdapat beberapa bilangan sahaja sekolah perempuan di Pahang dan salah satunya ialah terletak di Kuala Lipis. Namun seiring dengan peredaran masa, keadaan mulai berubah. Sekolah berdasarkan jantina tidak lagi banyak dibina. Sekolah-sekolah mula bersifat lebih terbuka dengan menerima pelajar tanpa berpandukan jantina. Pendidikan pada saat itu juga mulai dilihat sebagai salah satu institusi sosial yang penting dalam membangunkan sesebuah bandar. Hal ini demikian kerana melalui aspek pendidikan, generasi yang berkualiti dan memiliki pengetahuan dapat dilahirkan seterusnya dapat membantu memajukan pertumbuhan ekonomi sesebuah bandar.

Pusat Kesihatan

Kepesatan pembandaran Kuala Lipis turut didorong oleh perkembangan pusat kesihatannya. Sesebuah bandar tidak mampu berkembang pesat tanpa mempunyai kemudahan kesihatan yang baik. Hal ini demikian kerana melalui kemudahan kesihatan yang baik, penduduk berasa terjamin dan selamat untuk menetap di sesebuah kawasan. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan Kuala Lipis dilihat amat menitik beratkan prasarana dan kemudahan yang disediakan di hospital. Hospital Kuala Lipis dianggarkan mula dibina seawal tahun 1910-an. Buktinya dapat dilihat melalui rekod dan laporan yang ditulis pada tahun 1915.

Jadual 2
Jumlah Pesakit dan Jumlah Kematian Pesakit di Hospital Kuala Lipis, 1913-1915

Tahun	Jumlah Pesakit	Jumlah Kematian Pesakit	Kadar Kematian (%)
1913	482	25	5.18
1914	1008	68	6.30
1915	526	26	4.94

Sumber: Diubahsuai dari, *Pahang Administration Report for the year 1915*, H.C.O No. Pahang. 779/1916, hlm. 22.

Berdasarkan Jadual 2, jelas menunjukkan kadar kematian di Hospital Kuala Lipis berkurangan dari tahun ke tahun. Hal ini dapat dikaitkan dengan pertambahan teknologi perubatan yang semakin moden. Buktinya, kadar kematian pada tahun 1913 ialah 5.18%. Seterusnya pada

¹⁹⁵ *Malay School Girls', K.Lipis, 1946.*

¹⁹⁶ Ibid.

tahun 1914, kadar tersebut menunjukkan peningkatan kepada 6.30%, namun peningkatan kadar tersebut adalah selari dengan pertambahan bilangan pesakit yang bertambah secara mendadak seramai 586 pesakit pada tahun 1914. Jumlah pesakit pada tahun 1913 hanya seramai 482 pesakit, namun meningkat kepada 1,068 orang pada tahun 1914. Kadar kematian ini kemudian menurun kepada 4.94% pada tahun 1915. Bahkan, pada tahun 1915 di Kuala Lipis juga tiada kes berkaitan malaria dilaporkan, dan kerja-kerja membanteras penyakit malaria juga tidak dijalankan.¹⁹⁷

Selain itu, asrama jururawat juga telah ditubuhkan pada 1926 di Kuala Lipis sebagai kediaman jururawat.¹⁹⁸ Sebagai tambahan, pada tahun 1929 terdapat sebuah lagi hospital dibina di Kuala Lipis iaitu Goal Hospital.¹⁹⁹ Di Pahang pada ketika itu hanya terdapat dua buah Gaol Hospital, iaitu di Kuala Lipis dan sebuah lagi di Kuantan. Antara kemudahan-kemudahan perubatan yang ada di Hospital Kuala Lipis pada ketika itu ialah pakar bedah, jururawat terlatih, alat-alat perubatan moden seperti dewan bedah yang besar, makmal x-ray, tempat penyimpanan ubat-ubatan dan kemudahan katil pesakit yang banyak. Peralatan x-ray juga telah dipasang di Hospital Kuala Lipis pada tahun 1938.²⁰⁰ Pada tahun 1949, Hospital Kuala Lipis dan Hospital Kuantan telah memiliki kemudahan x-ray dengan jumlah sebanyak 1,183 ujian x-ray telah dijalankan pada tahun tersebut. Set G.E.C yang dipinjamkan ke Singapura semasa zaman perang telah dikembalikan semula pada bulan Februari 1949 dan diguna pakai semula. Set *Phillips X-Ray* yang telah ditempah sejak dua tahun lalu iaitu tahun 1947 telah sampai pada bulan Disember 1949 dan dipasang di Hospital Kuala Lipis pada awal tahun 1950.²⁰¹ Perkembangan ini membolehkan lebih ramai penduduk Kuala Lipis berpeluang mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lipis berbanding sebelumnya.

Perkembangan pusat kesihatan ini sebenarnya turut disokong oleh keupayaan para pentadbir hospital menyediakan pakar perubatan terbaik di hospital Kuala Lipis pada ketika itu. Kakitangannya terdiri daripada doktor bedah, pegawai kesihatan, jururawat, *dresser* dan juga *nursing sister*. Misalnya pada 1920, Mr. K. Kanagarayar telah bertugas sebagai Pembantu Bedah di Hospital Kuala Lipis sehingga 10 Ogos 1920 dan kemudian digantikan dengan Dr. D.F. Brown.²⁰² Seterusnya, pada tahun 1951 Hospital Kuala Lipis telah mempunyai *Medical Officer (M.O)* iaitu Dr. T.A. Paraman yang berkhidmat bermula dari 1 Januari 1951 sehingga 31 Disember 1951 dan 3rd *M.O* pula ialah Dr. Harayanan yang mula berkhidmat pada 19 Mei 1951 sehingga 31 Disember 1951.²⁰³ Sebagai tambahan, terdapat juga *matron* yang bertugas iaitu Mrs. D. MacDonald yang mula berkhidmat pada 1 Januari 1951 sehingga 19 Februari 1951 dan Mrs. Beckett yang mula berkhidmat pada 20 Februari 1951 sehingga 31 Disember 1951.²⁰⁴ Pada tahun tersebut, terdapat kekosongan dalam jawatan *Nursing Sister*.

Seterusnya, pada tahun 1952, jawatan *Medical Officer (M.O)* Kuala Lipis masih dijabat oleh Dr. T.A. Paraman. Beliau berkhidmat dari 1 Januari 1952 sehingga 31 Disember

197 *Pahang Administration Report for the year 1915*, hlm. 23.

198 Hazizah binti Sulaiman, *Kuala Lipis Bandar Warisan: Sejarah Perancangan Bandar*, hlm. 25.

199 *Pahang Administration Report for the year 1929*, hlm. 11.

200 *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*, hlm. 5.

201 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 28.

202 *Supplement to the F.M.S Government Gazette, 1921*, hlm. 16.

203 *Pahang Annual Report, 1951*.

204 *Ibid.*

1952.²⁰⁵ Manakala jawatan 2nd M.O pula telah diisi oleh Dr. Y. Lakshminarayana yang mula berkhidmat pada 1 Januari 1952 sehingga 14 Ogos 1952 seterusnya jawatan tersebut diganti oleh Dr. D. Rey yang mula berkhidmat pada 4 Ogos 1952 sehingga 31 Disember 1952.²⁰⁶ Selain itu, jawatan *Dental Surgeon* dijabat oleh Mr. Khoo Eng Poh yang mula berkhidmat pada 1 Januari 1952 sehingga 23 September 1952, kemudian diganti oleh Mrs. M. H. Allsopp pada 2 September 1952 sehingga 31 Disember 1952.²⁰⁷ Jawatan *Matron* Hospital Kuala Lipis pula dijabat oleh Miss C. Breckett yang berkhidmat dari 1 Januari 1952 sehingga 16 Mei 1952, dan diganti oleh Mrs. O.W.M. Green pada 17 Mei 1952 sehingga 21 Disember 1952.²⁰⁸ Jawatan *Nursing Sister* pula dijabat oleh Miss Choong Ah Ying yang mula berkhidmat pada 1 Ogos 1952 sehingga 31 Disember 1952, dan Mrs. W. Gunn yang berkhidmat pada 1 November 1952 sehingga 31 Disember 1952. Akhir sekali jawatan *Health Sister* pula dijabat oleh Miss D.E.M. Hackett pada 1 Januari 1952 sehingga 31 Disember 1952.²⁰⁹

Pada tahun 1950-an, semakin ramai penduduk Kuala Lipis datang untuk mendapatkan rawatan di hospital. Misalnya, jumlah pesakit malaria yang berdaftar di hospital mulai menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1950, hanya terdapat 40 orang pesakit malaria yang berdaftar di hospital, dan bertambah kepada 208 orang pesakit pada tahun 1952.²¹⁰ Jumlah pesakit ini jelas membuktikan bahawa penduduk mulai sedar dan yakin dengan rawatan yang disediakan di hospital. Pada tahun 1952 pula, jumlah purata pesakit pada setiap hari mencecah sebanyak 120 pesakit. Jumlah kemasukan pesakit pada tahun tersebut mencecah sebanyak pesakit 2,995 manakala jumlah kematian pula ialah 152 orang.²¹¹ Manakala jumlah katil juga semakin bertambah. Misalnya, terdapat 134 katil telah disediakan. Katil-katil ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis. Antaranya katil biasa sebanyak 98 buah, katil untuk pesakit *tuberculosis (TB)* pula sebanyak 30 buah dan untuk pesakit akibat jangkitan ialah enam buah katil.²¹²

Sebagai tambahan, terdapat juga klinik veterinar yang dibuka di Kuala Lipis. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, aktiviti perternakan haiwan di Kuala Lipis telah dijalankan secara meluas. Melalui aktiviti tersebut, terdapat penyakit haiwan yang telah dilaporkan. Oleh itu, klinik veterinar telah dibina bagi tujuan merawat haiwan yang dijangkiti penyakit. Penubuhan klinik veterinar di Kuala Lipis dikukuhkan dengan laporan yang terdapat di dalam dokumen rasmi. Misalnya, dilaporkan terdapat jangkitan influenza di Kuala Lipis yang melibatkan 28 kes yang telah dilaporkan pada tahun 1921.²¹³ Seterusnya, pada tahun 1949 terdapat jangkitan cacing bulat pada anak lembu.²¹⁴ Sebagai langkah penyelesaian, *Phenothiazine*²¹⁵ dan *copper sulphate*²¹⁶ diberikan secara percuma kepada

205 *Pahang Annual Report*, 1952.

206 Ibid.

207 Ibid.

208 Ibid.

209 Ibid.

210 *Pahang Annual Report*, 1951.

211 Ibid.

212 Ibid.

213 *Supplement to the F.M.S Government Gazette*, 1921, hlm. 14.

214 *State of Pahang Annual Report for the year 1949*, hlm. 16.

215 Ubat bagi merawat penyakit akibat jangkitan cacing bulat.

216 Ibid.

pemilik anak lembu bagi merawat penyakit akibat jangkitan cacing bulat. *Hexachloroethena*²¹⁷ pula digunakan untuk merawat *fascioliasis*²¹⁸ manakala *Distemper serum*²¹⁹, *Penicillin*²²⁰ dan *Sulphanilamides*²²¹ digunakan bagi merawat kes *distemper*.²²² Vaksin *Ranikhet*²²³ digunakan untuk mengelakkan dan mengawal penyakit *ranikhet*²²⁴. *Hexachloroethane*²²⁵ diberikan dalam sekitar satu hingga dua biji dos kepada kerbau, kambing dan kambing biri-biri.

Kesimpulan

Proses perkembangan perbandaran Kuala Lipis sememangnya pesat terutama selepas Kuala Lipis diiktiraf sebagai ibu negeri Pahang yang baru menggantikan Pekan mulai tahun 1898 sehingga tahun 1955. Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa Kuala Lipis sebenarnya telah mulai berkembang sebagai sebuah bandar sebelum menjadi ibu negeri Pahang lagi. Hal ini dapat dikaitkan dengan kekayaan hasil emas dan kemasukan Residen British ke Kuala Lipis. Pelbagai bentuk kemudahan infrastruktur mula dibina dalam usaha memajukan lagi aspek perbandaran Kuala Lipis. Kepesatan perbandaran Kuala Lipis jelas dilihat antara tahun 1898 sehingga tahun 1955. Dalam tempoh 57 tahun, bandar Kuala Lipis sememangnya telah membangun dengan begitu pesat. Perkembangan ini jelas dilihat melalui keupayaan pentadbiran bandarnya yang cekap dan sistematik, pembangunan infrastrukturnya yang lengkap dan berkesan dan keupayaan melaksanakan fungsinya sebagai pusat kegiatan perlombongan, pusat kegiatan pertanian dan penternakan, pusat komersial, pusat pendidikan dan pusat kesihatan. Kesemua faktor ini menjadikan Kuala Lipis sebagai sebuah bandar yang selesa selamat dihuni apabila semua keperluan asasnya dapat dipenuhi.

217 Ubat bagi merawat *fascioliasis*.

218 *Fascioliasis* adalah jangkitan parasit yang disebabkan oleh *Fasciola hepatica*.

219 Ubat bagi merawat kes *distemper*.

220 Ibid.

221 Ibid.

222 Penyakit virus yang sering dihidapi oleh sesetengah haiwan terutamanya anjing. Virus ini akan menyebabkan demam, batuk, dan sakit mata.

223 Vaksin bagi merawat penyakit *ranikhet*.

224 Penyakit *ranikhet* juga dikenali di Barat sebagai penyakit *Newcastle*. Penyakit ini sering dihidapi oleh ayam.

225 Ubat yang diberikan kepada kerbau, kambing dan kambing biri-biri.